

**AKADEMI SENI KEBANGSAAN  
1995**

PERPUSTAKAAN  
AKADEMI SENI KEBANGSAAN



KHAIRUL SANI



BAHARUM AHMAD



WONG HUEY YI



ROSHANI ABDULLAH

UTUSAN MALAYSIA  
3 JAN 95 SELASA  
M/S-26

# Generasi baru wayang kulit

Oleh  
SITI ROHAYAH ATTAN

**K**EJAJAAN bengkel wayang kulit yang julung kali diadakan di Akademi Seni Kebangsaan (ASK) baru-baru ini mendapat pujian daripada banyak pihak termasuk para peserta.

Mereka menggesa supaya bengkel seumpama itu diteruskan pada masa akan datang dengan disertai oleh peserta seluruh negara.

Program ini juga diharapkan akan menjadi salah satu agenda utama pada setiap badan kebudayaan negara dalam usaha memulih serta memelihara warisan tradisi tersebut.

Bengkel Pembuatan Alat Muzik dan Watak-Watak Wayang Kulit serta Pendokumentasi Cerita-Cerita Dari Hikayat Seri Rama itu dikendalikan oleh Seniman Negara, Hamzah Awang Amat dan pensyarah Jabatan Teater ASK, Dr. Ghulam Sarwar Yousof.

Bengkel yang diadakan dari 13 hingga 24 Disember lalu dengan disertai 30 peserta itu adalah anjuran bersama ASK, Panggung Negara dan Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Seorang peserta, Khairul Sani Ismail, 28, dari Galeri Shah Alam berpendapat, bengkel seumpama itu mempunyai kepentingan kepada banyak pihak, bergantung pada tujuan seorangan.

"Sebagai seorang pelukis, saya dapati unsur-unsur wayang kulit boleh disebarkan dalam setiap karya dan saya sedang berusaha untuk menyempurnakannya, unsur terse-

but. Secara tidak langsung seni persembahan dan seni tampak ini dapat digandingkan dalam satu bentuk yang lebih mudah dan berseni," katanya.

Menurut beliau, usah-usaha yang dijalankan oleh banyak pihak untuk memelihara khazanah tradisi ini perlu disokong oleh generasi yang berkesempatan mewarisinya, generasi pertengahan, generasi muda dan generasi akan datang.

**Para guru perlu melatih diri mereka ke arah itu dan saya yakin ia akan berjaya dilakukan sekiranya mendapat galakan daripada semua pihak**

Pelajar bidang muzik ASK, Wong Huey Yi menyatakan bahawa wayang kulit adalah aset yang berharga kepada bangsa Malaysia kerana ia adalah warisan yang tidak boleh dijual beli.

Justeru itu, kesungguhan pihak kementerian mengadakan pelbagai bengkel dan seminar ke arah memartabatkan seni tersebut perlulah diteruskan.

"Generasi hari ini mungkin mengetahui wayang kulit hanya luaran saja tetapi mereka tidak menvedari keistimewannya. Dengan menghadiri bengkel serta seminar begini, mereka berkesempatan untuk mengetahui cerita-cerita yang terkandung dalam wayang kulit, watak-wataknya serta alat-alat muzik yang digunakan," te-

gas beliau yang meminati muzik klasik.

Beliau juga menyarankan agar bengkel seumpamanya diadakan dari semasa ke semasa dan pendedahan sebegini memberi peluang kepada semua pihak untuk mengenali diri mereka sendiri di samping tidak terlalu bergantung kepada budaya bangsa lain.

Pensyarah Institut Bahasa Kuala Lumpur yang turut menghadiri bengkel tersebut, Roshani Abdullah pula menyarankan agar lebih ramai para-guru menyertai bengkel wayang kulit dalam usaha merealisasikan usaha memperkenalkan wayang kulit di sekolah-sekolah. Katanya, guru memainkan peranan penting dalam memupuk semangat dan kecintaan murid-murid terhadap sesuatu perkara itu, tidak terkecuali budaya sendiri.

"Seni wayang kulit tidak boleh dipelajari daripada buku-buku atau medium lain. Ia perlu didengar dengan teliti kerana bahasa yang digunakan terlalu indah. Ia juga perlu ditonton kerana setiap gerak patung wayang kulit itu membawa watak-watak tertentu dan mempunyai erti yang tersendiri.

"Justeru itu, para guru perlu melatih diri mereka ke arah itu dan saya yakin ia akan berjaya dilakukan sekiranya mendapat galakan daripada semua pihak," katanya.

Meskipun beliau beranggapan adalah sukar untuk mendalami ilmu pewayangan wayang kulit tetapi kesenian ini tidak perlu diketepikan begitu saja hanya kerana sebab demikian. Malah, beliau yakin bahawa genre ini tidak akan pupus selagi ada 'guru' yang sanggup mengajar kepada 'muridnya'.

Baharum Ahmad dari Muzium Negara berkata,

beliau berkesempatan untuk mengenali dunia wayang kulit secara praktikal dan bukan sekadar teori semata-mata. Kesempatan untuk bermula dari titik A iaitu membuat watak wayang kulit lingsalah selesai, menjadikan suatu pengalaman yang sukar dilupakannya.

"Dalam bengkel ini saya diajar teknik yang betul untuk menghasilkan lakiran watak dan alat muzik yang betul.

Ini satu pengalaman yang cukup hebat yang selama ini tidak saya peroleh," katanya yang berpengalaman mengadakan persembahan wayang kulit dalam Festival Purpet Sedunia di Sepanyol pada 1992.

## Menggemari

Beliau percaya, seni persembahan ini mempunyai masa depan yang cerah memandangkan masyarakat dunia semakin menggemari sesuatu yang klasik.

"Wayang kulit adalah seni yang universal. Ceritanya boleh difahami meskipun bahasa yang digunakan oleh dalang tidak mampu dikongsi bersama oleh khalayak yang menggunakan bahasa lain," tegas beliau.

Selain mahu supaya program tersebut diteruskan, beliau juga menyarankan agar peserta diberi kesempatan untuk belajar menjadi dalang muda.

"Menjadi dalang adalah suatu keistimewaan. Ia memerlukan penguasaan suara kerana banyak watak dimainkan oleh seorang dalang di samping keupayaannya dalam mengendalikan aksi watak tersebut di belakang pentas," tambah Baharum.

Pengorbanan, maruah, tuntutan ideal dan kasih sayang adalah di antara falsafah-falsafah yang diutarakan dalam drama 'Itik Liar' atau judul asal *Wild Duck* sebuah hasil

karya penulis skrip terkenal Hendrik Ibsen.

## Siratan dan Simbolik Dalam 'Itik Liar'

Pembongkaran kisah silam, hanya semata-mata untuk mencari kebenaran ternyata membawa kemelut yang akhirnya berkesudahan dengan tragedi yang tidak membawa kemenangan kepada sesiapa pun. Malahan menambahkan lagi sebuah keruntuhan dalam sebuah perhubungan kasih sayang. Itulah yang dapat kita lihat dalam drama 'Itik Liar'.

Drama yang dipersembahkan di Panggung Eksperimen, Kompleks Budaya Negara yang berlangsung dari 31 Mac hingga 7 April ini, telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Samoza, penuntut Akademi Seni Kebangsaan.

Drama 'Itik Liar' mengisahkan konflik keluarga Ekdal yang berakhir dengan tragedi menyayat hati. Edkal (Hisham Ahmad Tajuddin) dan Werle (Ahmad Yatim) merupakan sahabat baik dan pernah berkongsi menjalankan perusahaan kayu. Sewaktu menjalankan perusahaan itu, Ekdal pernah ditangkap kerana dituduh mencuri kayu di hutan yang mengakibatkan dia di penjara sementara Werle terlepas bebas. Apabila keluar penjara, Ekdal jatuh miskin dan terhina di mata masyarakat. Perniagaannya telah dimonopoli oleh Werle.

Sementara itu, anak lelaki Werle (Gerges Werle) dan anak lelaki Ekdal (Halmar Ekdal) juga bersahabat baik. Malah Gregers (Khairulizam Abd. Rahman) begitu simpati terhadap keluarga Ekdal (Adlin Amar Ramli) dan tidak menyenangi ayahnya kerana berpendapat ayahnya itu menyebabkan kematian ibunya.



Hubungan Werle dengan Puan Sorby (Khamsah Abdullah) membuatkan Gregers keluar dari rumah dan menyewa di rumah Halmar. Kehadirannya yang memperjuangkan prinsip tuntutan ideal membuatkan hubungan Halmar dan isterinya, Gina (wafa A.Kadir) mulai retak.

Gregers memberitahu Hjalmar mengenai peristiwa silam antara Gina dengan ayahnya.

Kejujuran Gina mula dicurigai oleh suaminya sehingga dia merasakan Hedvig (Norzizi Zulkifli), anak kesayangan mereka itu bukan anaknya sebenar.

Kekecewaan Halmar bertambah parah apabila Hedvig begitu riang menerima hadiah hari jadi dari Werle. Dia mula rasa kan dirinya tersisih dan tidak dihormati. Akhirnya Halmar mengambil keputusan meninggalkan rumah. Hedvig yang kecewa dengan sikap bapanya itu, ingin membuktikan kasih sayangnya terhadap Halmar. Atas nasihat Gregers, Hedvig hendak mengorbankan 'itik liar' kesayangannya. Malangnya sewaktu mahu menembak 'Itik Liar', Hedvig tertembak diri sendiri lalu meninggal.

Drama 'Itik Liar' arahan Ahmad Tamimi Siregar ini, dipenuhi bahasa falsafah serta siratan makna simbolisma yang mendalam.

Drama terpanjang dengan pementasan dua jam 10 minit ini cuba menonjolkan keegoan manusia di samping memaparkan bagaimana sesuatu kebenaran itu dicari. Pentafsiran individu terhadap karya dramatis realisme dunia yang unggul itu mungkin berbeza.

Bakat-bakat baru, yang menjayakan drama ini, berjaya menunjukkan kemampuan mereka menghayati watak-watak yang dibawa oleh mereka. Antaranya ialah Norzizi, pelajar semester dua Akademi Seni Kebangsaan yang juga anak pelakon Zulkifli Zain dan Khairulizam, pelajar Universiti Sains Malaysia yang juga anak penyanyi tahun 1960-an, A Rahman Hassan. Dua watak berat yang dibawa oleh bakat baru ini berjaya menyakinkan penonton.



## BERITA HARI INI

SURATKHABAR: B. HARIAN  
MUKASURAT : 14

TARIKH: 8 JUN 95  
HARI : KHAMIS



TAHNIAH... Tengku Alaudin menyampaikan sijil kepada peserta bengkel koreografer anjuran ASK.

### ASK anjur Seminar Teater

PENGGIAT teater boleh mempelajari dan mendalami teknik pengurusan serta pemasaran teater yang lebih teratur menerusi Seminar Teater anjuran Akademi Seni Kebangsaan (ASK) pada 23 November hingga 25 November depan di Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia (Matic), Kuala Lumpur.

Pengarah ASK, Datuk Tengku Alaudin Abdul Majid, berkata seminar teater itu adalah sesi pertemuan dan perbincan-

gan di kalangan penggiat teater tanah air dengan beberapa pembentangan kertas kerja dari tokoh-tokoh terpilih.

Katanya, mereka akan membicarakan teori, teknik dan isu lakonan semasa bertujuan memperluaskan pengetahuan dalam bidang lakonan aktivis dan sarjana teater.

"Kita sedar teater sekarang dihasilkan bukan lagi untuk tujuan seni saja, tetapi perlu ada perkiaran bagaimana hendak

mencari keuntungan.

"Sepanjang seminar ini, turut akan dibincangkan ialah kaedah pengurusan dan pemasaran. Kita berharap peserta atau penggiat teater tidak lagi cenderung untuk menggerakkan teater saja, tetapi turut mempelajari sistem pentadbiran yang kemas," katanya di sidang akhbar dan pelancaran Aktiviti Keilmuan 1995 Akademi Kebangsaan Malaysia di Panggung Eksperimen (ET), di ibu negara, baru baru ini.

# Aktiviti Tari Mengambil Tempat

Oleh SABRI MOHD. ZIN

**S**ETELAH berakhirnya teater "Itik Liar" (*Wild Duck*) di Panggung Eksperimen pada 7 April 1995 yang lalu, bukan bererti bahawa Kompleks Budaya Negara merehatkan kegiatan teater. Malah bermula daripada 15 sehingga 22 April 1995 Panggung Eksperimen membuka ruang bagi persembahan drama Inggeris berjudul "Savages" karya Christopher Hampton's yang diarahkan oleh Joe Hasham dan diterbitkan oleh Faridah Merican.

Meskipun ruang persembahan disediakan untuk menampung aktiviti teater dari luar, agenda penerbitan drama Panggung Negara tetap berjalan. Bermula dari 2 hingga 5 Mei akan datang, Panggung Negara akan mempersembahkan sebuah drama tempatan berjudul "Cucu" hasil karya Samoza yang akan diarahkan oleh Rosminah Tahir bertempat di Pusat Penerangan Pelancongan (Matic), Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Peranan utama drama adaptasi daripada cerpen "Satu Malam di Pergunungan" yang memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1984/85 akan dilakukan oleh Mubarak Majid dan Haliza Misbun di samping beberapa orang pelakon lain. Walaupun ruang persembahan dan kategori dramanya berubah, kita mengharapkan cucu akan menerima sambutan sebagaimana "Itik Liar".

Secara rambang penonton yang tampil menyaksikan pementasan drama "Itik Liar" sepanjang tujuh malam persembahan berjumlah lebih kurang 1000 orang. Ini bererti bilangan penonton setiap malam persembahan boleh dikatakan memberangsangkan juga.

Masalah teater dan khalayak teater di negara ini khasnya di Kuala Lumpur sering sahaja mengurangkan semangat


penggiat teater untuk berkarya. Sasterawan Negara Noordin Hassan melalui wawancara di akhbar *Utusan Malaysia* keluaran 1 April 1995 yang lalu mengatakan, "Mereka yang berminat dengan teater berkata, teater Melayu tak ada standard. Mereka lebih suka menonton teater Inggeris sama ada yang dihasilkan oleh anak tempatan mahupun berdasarkan skrip yang diimport dari Barat."

Lontaran semacam kekecewaan Sasterawan Negara itu barangkali selari dengan pendapat Supiat Mukri, Pengarah Panggung Negara yang berpendapat bahawa, "Rata-rata penggerak teater Melayu Kuala Lumpur seolah-olah yakin bahawa mutu sesebuah drama akan menjamin khalayak penonton yang ramai." Bagaimanakah agaknya nasib "Cucu" nanti? Barangkali mutu teks drama itu boleh dikategorikan sebagai baik kerana dasar ceritanya diangkat daripada sebuah karya yang

telah teruji mutunya, iaitu yang telah memenangi Hadiah Karya Sastera Malaysia. Bahkan skrip drama itu pula telah memenangi Hadiah Penulisan Drama Pentas anjuran TEMA/Berita Harian dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia 1992.

Selain daripada persembahan drama yang akan berlangsung di Matic, Panggung Negara juga akan mementaskan sebuah eksperimen tari pada 15 hingga 17 Mei 1995 di Panggung Eksperimen. Tiga tokoh pencipta tarian terbaik tanah air, iaitu Suhaimi Magi, Aida Redza dan Mahmud Haji Ibrahim akan berkongsi pengalaman dan tenaga bagi melahirkan sebuah tarian eksperimental bercorak kontemporari dan berunsur tradisi akan dipentaskan.

Aida Redza yang lebih terkenal dengan tarian balet ialah seorang pereka tari yang berkelulusan dari sebuah universiti dari Amerika Syarikat.




"Itik Liar" karya Hendrik Ibsen, diarahkan oleh Ahmad Tarmimi Siregar

Sementara Suhaimi Magi pula berkelulusan Sarjana dari Institut Kesenian Jakarta. Sedangkan Mahmud Haji Ibrahim ialah penari yang mempunyai pengalaman berada di pelbagai pentas serta pernah mengikuti pelbagai kursus antaranya Institut Seni Indonesia dan Universiti Sains Malaysia.


Gabungan tiga kreativiti penciptaan yang mempunyai asas pendidikan dan pengalaman yang berbeza ini tentulah akan menghidangkan persembahan yang menarik dan mencabar. Peringkat pertama ciptaan ini akan memaparkan gerak laku manusia seharian yang secara tidak disedari gerak laku tersebut telah menyentuh emosi dan perasaan makhluk-makhluk lain



Rosminah Tahir



Samoza



Mubarak Majid



Zaifri Husin

yang tidak kelihatan dengan mata kasar. Ini diikuti oleh imaginasi penari terhadap tindakan yang diambil oleh makhluk ghaib yang terganggu emosinya. Ini kemudiannya akan diikuti oleh pemulihan manusia yang diganggu oleh makhluk ghaib itu. Pemulihan itu dilakukan melalui satu bentuk ritual yang mengasyikkan.

Sewaktu Panggung Negara terus merealisasikan aktiviti tahunannya, Akademi Seni Kebangsaan (ASK) juga turut aktif. Anehnya sepanjang Mei ini, Kompleks Budaya Negara semacam dimonopoli oleh kegiatan tarian. Mulai 22 hingga 27 Mei 1995 yang akan datang,

Jabatan Tari ASK akan mengendalikan Festival Tari Malaysia 1995 yang akan berlangsung di sekitar kampus ASK.

Festival tari yang mengundang kumpulan penggiat tarian dari setiap negeri di seluruh Malaysia ini akan menyediakan dua atur cara, iaitu bengkel persembahan dan sidang keilmuan. Tenaga pengajar Jabatan Tari ASK yang terdiri daripada Dr. Anis Mohamad, Suhaimi Magi, Aida Redza dan Josep Victor merupakan tenaga penting yang akan memimpin festival ini.

Secara umum boleh dikatakan skop bagi festival pada tahun ini lebih menjuruskan kepada tarian-tarian tradi-

sional dan tarian etnik tempatan.

Sementara pelajar pelopor ASK sedang bergelumang dan bertungkus-lumus menyediakan diri untuk menghadapi peperiksaan akhir tahun pertama, yang akan bermula pada 8 Mei 1995 dan berakhir pada 20 Mei 1995 akan datang, kakitangan pentadbir ASK pula sedang berkeringat mengatur persiapan bagi menyambut kehadiran pelajar baru menjelang Julai nanti. Pendaftar ASK memberitahu, pengambilan pelajar sesi 1995/96 ditentukan seramai 80 orang, iaitu 20 pelajar muzik, 20 teater, 20 tarian dan 20 penulisan kreatif. Sedangkan bilangan permohonan yang diterima sehingga kini lebih daripada 300 permohonan.

Sesi pengambilan pelajar 1994/95 memperlihatkan bilangan pemohon jurusan muzik lebih ramai daripada jurusan lain. Sebaliknya sesi 1995/96 menyenaraikan permohonan bagi mengikuti kursus penulisan kreatif melebihi daripada kursus lain. Fenomena ini tidak begitu aneh tentunya kerana seperti yang ramai mengetahui pada masa kini pelajaran muzik di sekolah-sekolah di Malaysia mula mendapat perhatian dan ini tentulah mereka yang telah mempunyai asas muzik pada peringkat tersebut. Apa pun kita mengharapkan semuanya akan memperkayakan seni budaya tanah air kita pada masa kini dan pada masa depan. *DB*

# Kualiti Penggamin Khalayak

Oleh SABRI MOHD. ZIN

**S**ETIAP persembahan di Panggung Negara dikaji dan ditapis kerana Panggung Negara mementingkan kualiti dan kecemerlangan. Kalau persembahan teater, skripnya semestinya teruji kematangannya, begitu juga pengaruh dan pelakornya. Ciri-ciri pengalaman, kelulusan dan kewibawaan menjadi ukuran penting bagi yang ingin melibatkan diri dalam program persembahan Panggung Negara.

Demikianlah tanggapan yang didapati daripada penegasan Mariam Sulaiman, Penolong Pengarah (Pemasaran), Panggung Negara.

Pada bulan Mei yang lalu bertempat di Auditorium Matic, drama "Cucu" telah dipentaskan. Pada 17 hingga 24 Jun 1995 yang akan datang Panggung Negara akan mementaskan pula "Cindai" karya Noordin Hassan. "Cindai" akan diarahkan oleh Rohani Yousoff dengan para pelakornya yang terdiri daripada Yusoff Mohamad, Tiara Jacqueline, Maizurah Hamzah, Khatijah Tan, Ahmad Tarmimi Siregar, Abu Bakar Omar, Samat Salleh, Shahrizan Ahmad, Jamal Bab dan Megat Saiful Bahri.

Sementara persembahan "Cindai" berlangsung di Panggung Eksperimen, Orkestra Simfoni Muda (OSK) akan mengadakan persembahannya di Auditorium Majlis Perbandaran Petaling Jaya pada 17 Jun 1995. Dua penggubah muzik tempatan yang tidak asing lagi iaitu Hanafi Imam dan Woon Wen Ken dari Pulau Pinang akan tampil pada persembahan kali ini.

Bengkel Seni Lakonan Jurusan Akademi Seni Kebangsaan (ASK) akan berlangsung selama tiga hari dari 7 hingga 9 Jun 1995 bertempat di ASK, Kompleks Budaya Negara. Bengkel kali ini membuka

peluang kepada para pelakon di media elektronik menimba pengalaman lakonan yang lebih terperinci.

Bengkel yang bertujuan untuk menyediakan pelakon berkualiti ini hanya mengadakan penyertaan ke-



Dari kiri: Azlan Adnan, Adlin Amar Ramli, Zulkifli Mohamad dan Raja Iskandar



Norzizi

pada 20 orang peserta sahaja.

Peserta yang mengikuti bengkel ini akan didedahkan kepada teknik-teknik lakonan serta disiplin yang seharusnya dipunyai oleh para pelakon.

Dua orang tenaga pengajar Jabatan Teater ASK iaitu Krishen Jit dan Ahmad Yatim akan menjadi pembimbing bengkel yang mengenakan bayaran RM150 seorang ini.

Hubungan ASK dan Panggung Negara amat erat. Sementara ASK mendidik bakat seniman yang berpotensi, Panggung Negara pula sentiasa membuka ruangnya bagi pengembangan bakat.

Penonjolan dua pelakon utama da-

lam "Itik Liar" baru-baru ini yang merupakan pelajar ASK adalah bukti yang jelas kerjasama tersebut.

Adlin Amar Ramli dan Norzizi sebagai pelakon penting "Itik Liar" memang tidak mengecewakan, malah telah menunjukkan potensi yang hanya menanti masa sahaja untuk berkembang.

Kumpulan pelajar pengasas ASK akan melangkah ke tahun kedua pada bulan Julai yang akan datang. Dalam bidang teater kini telah muncul Norzizi dan Adlin. Dalam bidang tarian ASK mempunyai Zulkifli Mohamad yang sering muncul di kaca televisyen. Dalam bidang muzik dari Jabatan Muzik, ASK terdapat Azlan Adnan dan Raja Iskandar Raja Halid yang merupakan pemuzik profesional yang pernah mengadakan persembahannya di luar negara. Dari Jabatan Kreatif pula terdapat Jaafar Rani dan Samoza.

Mereka kini adalah antara pelajar-pelajar ASK yang amat tekun dan penuh prihatin terhadap bidang yang mereka ceburi. Barangkali, inilah antara bakat yang nanti akan memenuhi cita-cita seni kebangsaan kebanggaan Malaysia. Tanggungjawab yang berat ini hanya terlaksana dengan kerja kuat serta dedikasi yang tinggi. *DB*

# ASK Mematangkan Zuriat Kedua

Oleh SABRI MOHD. ZIN

**S**ERAMAI 69 pelajar, 23 orang akan mengisi Jabatan Muzik, 21 Jabatan Penulisan Kreatif, 13 Jabatan Tari dan 12 Jabatan Teater telah pun ditawarkan mengikuti diploma Akademi Seni Kebangsaan bagi sesi 1995/96.

Dato' Tengku Alaudin Abdul Majid, Setiausaha Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (KKKP) merangkap Pemangku Pengarah Akademi Seni Kebangsaan (ASK) memberi amaran awal bahawa jika terdapat kalangan pelajar baru yang akan melaporkan diri pada 9 Julai nanti berhasrat menjadikan ASK sebagai landasan mencapai *glamour* atau "publisiti diri" lebih baik mereka lupa saja.

Kata beliau, matlamat utama ASK ialah menitikkan sebanyak-banyak "ilmu seni" kepada bakal penggiat seni yang berjaya menggelarkan diri sebagai pelajar kampus seni itu demi merealisasikan kecemerlangan kebudayaan kebangsaan. ASK bukan saja bertujuan melahirkan pelakon, penulis, pemuzik dan penari yang tepu ilmu, malah akan turut melengkapkan tenaga pakar di belakangnya.

Fungsi ASK sebagai kampus seni tidak harus dipandang remeh. Kegiatan ASK menyalurkan ilmu tidak hanya tertumpu di bilik kuliah. Bengkel seni lakon bimbingan Krishen Jit, Ahmad Yatim dan Joe Hasham yang dianjurkan pada 9 hingga 12 Jun lalu dimanfaatkan oleh 20 orang peminat seni lakon dari luar kampus.

Lanjutannya dengan kerjasama The British Council suatu kursus pendek teater di bawah bimbingan Clive Duncan dari United Kingdom akan diadakan pada 12 hingga 14 Julai akan datang. Kursus ini memberi peluang kepada penggiat teater di seluruh negara menyertainya. Pada 19 hingga 29 Julai, Clive Duncan akan mementaskan teaternya yang berjudul "The Bottle Garden" di Panggung Eksperimen dengan menam-

pillkan pelakon dan pekerja tempatan.

Pada 12 hingga 15 Julai akan datang ASK akan menempatkan sebilangan pakar drama yang terdiri dari Sasterawan Negara Noordin Hassan, Dato' Syed Alwi, Dr. Mana Sikana, Hatta Azad Khan dan Zakaria Ariffin untuk mengendalikan bengkel "Penataran Skrip Drama" di Taman Pertanian Bukit Cahaya, Shah Alam.

Korea International Dance Event (KIDE '95) yang akan berlangsung pada 16-22 Julai memberi peluang kepada Abu Bakar Sulaiman, Mohd. Shahril Akla, Azman Abu Bakar dan Taufik Ibrahim serta empat tenaga pengajar ASK, Dr. Anis Mohamed, Josep Victor, Aida Redza dan Lina Ang Swee Lin. Deligasi ini bukan saja akan mempersembahkan tarian di Chaya Small Theatre, tetapi turut mengendalikan bengkel ekspresiasi tari di Opera House Plaza dan Bondung Outdoor State di kota raya Seoul.

Sementara itu penerbitan teater oleh Panggung Negara terus berkesinambungan. Selepas persembahan "Cindai" arahan Rohani Yousoff pada 16 hingga 24 Jun lalu, Panggung Eksperimen akan digamatkan pula oleh Fauziah Nawi dengan drama muzika komedi berjudul "Primadona". Pementasan yang akan berlangsung pada 8 hingga 16 Julai ini akan didukung oleh pelakon-pelakon veteran seperti Uji Rashid, Kartina Aziz dan Zaidi Omar.

Nampaknya sejak Mei, Jun dan Julai, Panggung Negara telah menampilkan tiga pengarah teater wanita - Rosminah Tahir yang mengarah "Cucu", Rohani Yousoff pengarah "Cindai" dan Fauziah Nawi dengan "Primadona". Siapakah yang lebih berkaliber? Mampukah mereka mencabar kehebatan pengarah teater lelaki seperti Dr. Ghouse Nasaruddin, Krishen Jit, Ahmad Tarmimi Siregar dan Zakaria Ariffin yang telah mementaskan teater sepanjang tahun ini?

Panggung Negara juga tidak hanya memusatkan kegiatan seni di sekitar kota raya Kuala Lumpur. Pada 21 dan 22 Julai akan datang Panggung Negara akan



Antara aksi penari yang akan ke KIDE '95

mengutus rombongan koir kebangsaan bagi mengadakan pertunjukan di Ipoh dan Pulau Pinang. Rombongan koir yang terdiri dari 60 peserta di bawah pimpinan Suhaimi Nasution, Liu Ban Hong dan *vocalist* Siti Hajar Ismail akan mendenyendangkan lagu-lagu klasik Melayu, Inggeris dan Cina. Kita mengharapkan program melebarkan kegiatan seni ke luar Kuala Lumpur ini akan mendapat sambutan sewajarnya.

Kecemerlangan persembahan seni barangkali banyak bergantung kepada kreativiti, inovasi dan imaginasi seniman. Namun kegiatan seni yang tidak bersumberkan ilmu barangkali boleh diibaratkan seperti perigi yang tidak berair. Kontang dan tidak berfungsi. Menyadari hakikat ini Panggung Negara telah mengundang Trio Hannover dari Jerman untuk membimbing 30 pemuzik Orkestra Simponi Kebangsaan (OSK) di bengkel muzik yang akan bermula pada 16 Julai akan datang. Dan pada 22 Julai OSK dan Trio Hannover akan mengadakan persembahan di Panggung Eksperimen. Semoga aktiviti seni budaya terus bersemarak demi menyaingi kecemerlangan pembangunan negara. *DB*

## BERITA HARI INI

SURATKHABAR:  
MUKASURAT :

NST  
10

TARIKH:  
HARI :

22 Jul. 95  
8A574



**COLLEEN**  
... piano and viola



**ZAHARATUL**  
... piano and cello

### Local pianists invited for Wales music fest

**KUALA LUMPUR, Fri.**— Two local budding pianists, Zaharatul 'Ain Sahari and Colleen Wong Huey Yi, will join about 100 musicians from all over the world to show their talents at the two-week International Music Festival in Aberystwyth, Wales starting tomorrow.

Zaharatul, 19, and Colleen, 20, have been invited to participate in this prestigious and popular musicfest-cum-summer school where many a protege had made a name.

Both Zaharatul and Colleen are students at the Malaysian National Arts Academy here.

A former Malacca Girls High School student, Zaharatul is doing her diploma in music majoring in classical piano. She is also a cellist.

The daughter of retired educationists Sahari Abdul Ghani and Siti Salmiah Mohamad Noor, Zaharatul will give a piano recital of Haydn's *Sonata in Bb No.55*.

Colleen is a former student of Sekolah Menengah Ledang, Tangkak, Johor, and is also pursuing a diploma in music majoring in classical piano with viola as her second instrument at the academy.

The daughter of Charlie Wong, Colleen will give her rendition of Beethoven's *Sonata in E Op.14 No.1* on the piano.

The annual musicfest's unique feature is that it enables talented musicians of all ages from Europe, the USA, Asia, Australia and other countries to come together to learn and play music and establish lasting links. The festival is open to music students, professionals, teachers and adult amateurs.

Another highlight of this festival is that special courses in the form of workshops are held in instrumental chamber music, choral singing and composition.

## BERITA HARI INI

SURATKhabAR: U.M 81A  
MUKASURAT : 20

TARIKH: 12 09 95  
HARI : SABTU

### ASK anjur bengkel penulisan skrip

AKADEMI Seni Kebangsaan (ASK) akan menganjurkan Bengkel Penataran Penulisan Skrip Drama TV pada 15 hingga 17 September ini di The Jungle Lodge/Alang Sedayu, Bt. 12, Jalan Gombak, Selangor.

Penceramah yang akan mengendalikan bengkel tersebut ialah Othman Hafsham yang akan melihat skrip dari sudut

pandangan seorang pengarah, Wahid Nasir memperkatakan tentang skrip TV dan Aziz Abbas.

Penyertaan hanya terhad kepada 35 peserta dengan yuran penyertaan sebanyak RM50. Borang penyertaan boleh didapati di ASK, 464 Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur atau telefon Samat Kechot 03-2945749/2943022 sambungan 222. Tarikh tutup permohonan 2 September ini.

## BERITA HARI INI

**SURATKHABAR:** H. MEJRO  
**MUKASURAT :** 24

**TARIKH:** 25 OGOS 95  
**HARI :** JUMAAT

● Grup Teater Artis Kreatif sedang mencari ahli baru. Siapa yang berminat, hubungi Sarina Aziz, nombor telefon (R) 03-6851134 (selepas 8 malam). Bayaran bulanan ialah RM2.

● Akademi Seni Kebangsaan (ASK) akan menganjurkan Bengkel Penataran Penulisan Skrip Drama Televisyen pada 15-17 September bertempat di Jungle Lodge/Alang Sedayu, Bt 12, Jalan Gombak, Selangor. Borang penyertaan boleh didapati di ASK. Maklumat lanjut hubungi Samad Kechot di talian 03-2945749/2943022 sambungan 464.

● Pertubuhan Jamaah Islam Malaysia (JIM) menerusi Akademi Islam Malaysia akan mengajurkan seminar mengenai 'Strategi Mengulangkaji Berkesan Dan Teknik Menghadapi Peperiksaan untuk pelajar yang menduduki PMR dan SPM pada 27 Ogos ini bertempat di Institut Penyelidikan Getah (RRI) jalan Ampang. berminat hubungi 03-4051969, 4060169.

● Pameran Kartunis Asean di Pusat Kebudayaan Jepun (JCC) di Wisma Nusantara, Jalan Punchak Off Jalan P Ramlee selama 10 hari mulai 1 September, jam 10.00 pagi. Lebih 100 hasil karya kartunis Asean seperti Lat, Nan, Reggie Lee, Zunar dan Zoy serta 20 karya kartunis Jepun dipamerkan. Keterangan lanjut hubungi JCC 03-2306630.

# Arts academy finally takes root



TENGGU ALAUDIN  
... about time



JIT  
... a good start



MOHAMED SHAHRIL  
... dancing for 10 years



MOHAMED ANIS  
... enthusiastic students

**A**NATIONAL Arts Academy was thought about even before the country achieved independence, was discussed at the 1971 Cultural Congress, but was finally set up only last July.

"It's about time," says the academy's academic director, Tengku Datuk Alaudin Majid. "The Philippines, Thailand and Indonesia all have their own academy of arts."

"Nothing like it has been established in Malaysian education and I believe it is a good start," comments Dr Krishen Jit, head of the Theatre Department.

"If we want to progress as a nation we must not only focus on science and technology," says Tengku Alaudin.

"Cultural development and the arts play equally important roles. Culture is a way of life and a part of it is the arts which helps develop a well-rounded person."

He adds that people judge a country by the status of its arts. If it is first class, the country is deemed to have tradition and culture.

The academy has begun in a modest way with 87 students at its temporary campus in the National Culture Complex, Kuala Lumpur.

A permanent address has been identified at a site presently occupied by one of the divisions of the Ministry of Education, next to the Malaysia Tourist and Information Complex in Jalan Anipang.

The students were chosen from 750 applicants. The criteria for admission were ability, talent and experience, plus a credit in Bahasa

Malaysia finally has a National Arts Academy where the young and the talented can study theatre, music, dance and creative writing.

DAZMAN MANAN reports.

Malaysia and a pass in mathematics at Sijil Pelajaran Malaysia level.

Malaysia has many talented and budding people in the arts, says Tengku Alaudin, but not many are highly knowledgeable about their respective fields.

"Many acquire their skills through experience," he says. "As a result, when they're not in demand by the public, they lose their jobs as easily as they gained them."

"It is our mission to cultivate and further groom their talents and skills."

Most of the students at the academy have working experience in the arts.

For example, dance student Mohamed Shahril Aklia is a dancer from the National Culture Complex and has been dancing for the last 10 years.

A Sabahan, he says he has long been interested in dancing and is happy there is now a place where he can study dancing at a higher level. "Now I know what certain movements mean and the origins of some dances," he says.

One of the youngest students is Cynthia Chow, 19, who joined the academy after completing her SPM.

"I've been playing the piano ever since I was a little girl, so the music course has been very smooth and easy for me."

"What I like best about the course is that I get to

learn about other instruments, modern and traditional, as well as subjects such as music history. It has an exciting combination of theory and practice."

The students study for a four-year diploma in one of four areas: dance, theatre, music or creative writing.

"There are 17 students taking the course in theatre and most of them are geared towards becoming performers or directors, whether for stage or television," says Jit.

Sixty per cent of the coursework is focused on developing skills while 40 per cent is on knowledge about the arts.

"In the dance course, students are not taught only how to dance but also dance history, Western dance, Southeast Asian dance, anatomy and dance injuries, and music methodology for dance pedagogy," says Dr Mohamed Anis Mohamed Nor, head of the Dance Department.

"If the graduate is unable to dance later, he can at least teach," says Tengku Alaudin.

"We don't want our graduates to be confined to a small and limited field when they enter the job market. Hence, they are further taught things like management, make-up, wardrobe, props, and sound and lighting."

"Thus, it is not necessary for the music graduate to be involved only in music. He

can also go into theatre because he already knows the basics of it.

"Our policy is that everybody should know everybody else's work."

There are six core subjects: world theatre, dance, music, civilisation, critical theory and English.

During the first year, students do a lot of classroom work with emphasis on the core subjects. From the second year onwards there will be more practical and field work.

Although the course takes four years, the schedule is hectic because students are expected to be actively involved in Pangung Negara programmes like the National Symphony Orchestra, National Cultural Group, National Choir, one-act plays at Matic, Pentas Perdana and others.

Nevertheless, the students are very enthusiastic about their training.

The dance students, for instance, come in at 8am for a class on music. From 9am onwards they get into physical dance routines. They are normally free after 4pm or 5pm.

"We leave the evenings free so that they can attend performances to gain exposure and experience," says Mohamed Anis.

"My students are full of energy and very enthusiastic and have no complaints about their hectic training."

Tengku Alaudin is confident that the graduates will have no problem finding jobs.

"The arts is gaining importance because of the promotion of tourism. As the graduates will be more knowledgeable and professional, I'm sure they'll be up for grabs."

Hanafi Imam, head of the Music Department, firmly believes that there will be jobs waiting for his students as the country has a shortage of 3,000 music teachers.

The academy comes under the Ministry of Culture, Arts and Tourism but works closely with the Education Ministry and the Public Services Department to ensure that the courses are recognised.

"We hope our students can continue their studies to a higher level," says Tengku Alaudin.

Universiti Malaya has special courses in the fine arts while Universiti Sains Malaysia is working towards a Bachelor of Fine Arts and hoping for student input from us.

"We are also discussing the possibility of twinning arrangements with several foreign institutions."



## BERITA HARI INI

SURATKHABAR: U.M.SIA  
MUKASURAT : 26

TARIKH: 12 SEPT-95  
HARI : SELASA.

# Semangat patriotik dalam persembahan seni

KEMENTERIAN Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah memenangi Persembahan Terbaik Keseluruhan dan Persembahan Terbaik kategori Seni Drama Persembahan Kesenian Di Antara Kementerian-Kementerian Sempena Hari Kebangsaan melalui drama *Gadis Melayu*.

Menurut Pengarah Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan, Mohamed Juhari Shaarani, persembahan yang berlangsung di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) baru-baru ini bertujuan untuk melibatkan semua kementerian dalam kegiatan kebudayaan dan menyemai semangat patriotik.

Bagi kategori Seni Tari Terbaik hadiah bernilai RM-2,000 telah dimenangi oleh Kementerian Dalam Negeri, kategori Kesenian Tradisional dimenangi oleh Kementerian Pengangkutan manakala Jabatan Perdana Menteri memenangi Kesenian Kontemporari.

Empat hadiah khas juri dimenangi oleh Kementerian Pendidikan (Persembahan Muzik Bervariasi) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Persembahan Kreatif).

Kementerian Kerja Raya pula memenangi Penampilan Unsur-Unsur Tradisi yang menonjol manakala Persembahan Vokal dan Penggunaan Prop Yang Baik oleh Kementerian Pertanian.

"Program ini adalah idea Perdana Menteri dan merupakan kali keenam diada-

kan bertujuan untuk memberikan peluang kepada anggota Perkhidmatan Awam mempamerkan bakat serta kreativiti," katanya.

Beliau menambah, 32 kumpulan telah mengambil bahagian tanpa penyertaan Kementerian Kewangan yang memenangi Persembahan Terbaik Keseluruhan

1994 dan kumpulan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Hari Kebangsaan 1995, Datuk Sabaruddin Chik.



WAKIL dari Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang memenangi Persembahan Terbaik Keseluruhan dalam Persembahan Kesenian Antara Kementerian di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

## BERITA HARI INI

SURATKHABAR:  
MUKASURAT

B. HARIAN  
m/s - 26

TARIKH:  
HARI :

14 OKT. 95  
SABTU

# Lingkaran Hasrat buka tirai Minggu Sastera

Oleh Wan Aini Wan Omar

FAKULTI Pendidikan Universiti Malaya (FPUM) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dan Bank Rakyat akan mengadakan persembahan puisi pendidikan *Lingkaran Hasrat* pada malam Jumaat, 20 Oktober di Panggung Eksperimen, Kompleks Budaya Negara (KBN), mulai 8.30 malam.

*Malam Lingkaran Hasrat* memulakan program Minggu Sastera 1995 anjuran DBP yang bermula 20 Oktober seperti persembahan sejak beberapa tahun lalu. Persembahan berkonsep pendidikan anjuran FPUM kali ini juga dicituskan oleh idea penyair terkenal sebagai pengarah kreatifnya, iaitu Prof Madya Rahman Shaari.

*Malam Lingkaran Hasrat* memuatkan tema sajak yang berunsur hasrat, cita-cita dan impian, sama ada secara langsung atau tidak langsung (bertepatan dengan citra malam persembahan) yang ditujukan kepada individu dan masyarakat seluruhnya.

Puisi yang dipersembahkan bercorak pendidikan, disampaikan dengan penuh rapi dan terlatih. Ada beberapa karya penyair mapan yang akan dipersembahkan. Antara lain: *Masihkah Kau Bermain Seruling?* (Zurinah Hassan), *Duka* (A Ghafar Ibrahim), *Tiga Pesan Pembangunan* (Firdaus Abdullah), *Sela-*

*mat Tidur Pohon-pohon Hijau* (Marzuki Ali), *Aku dan Air* (Anwar Ridhwan) dan *Topeng-topeng* (Baha Zain).

Peserta dari Fakulti Pendidikan yang terpilih untuk mempertajamkan bakat mereka ialah Nora-ziah, Zalahiah Hanim, Wan Aini, Sheritaismiah, Mohd Zaki, Aziah, Wan Zainul, Musmira, Siti Zainah, Wan Rokiah, Mar-dziah, Syukri dan Hassan.

Pelajar Akademi Seni Kebangsaan (ASK) juga turut serta mempersembahkan puisi dengan gaya dan aksi tersendiri. Antaranya: Istina Jafri, Ria Asmira, Hairul Anuar, Shaza, Mislina dan Jasmina.

Untuk memeriahkan lagi persembahan itu, beberapa penyair jemputan teramsuk A Ghafar Ibrahim, A Rahim Abdullah, Prof Hashim Yaacob, Mahaya Mohd Yassin dan penyanyi lagu puisi Zubir Ali diundang dan akan menyampaikan karya masing-masing.

Usaha mengadakan persembahan puisi berkonsepkan pendidikan itu mempunyai tujuan murni, untuk menarik minat dan menggalakkan semua lapisan masyarakat mendekati puisi dan mengenali bidang sastera.

Orang ramai dipersilakan hadir ke Panggung Eksperimen, KBN lebih awal bagi menjayakan program pendidikan seni secara percuma itu.

# BERITA HARI INI

SURATKHABAR:  
MUKASURAT :

MALAY MAIL  
18

TARIKH:  
HARI :

16 OKT. 95  
ISNIN

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA

### KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan pendaftaran masih lagi berkuatkuasa bagi menjalankan pembekalan/perkhidmatan berikut:

Butir-butir Tawaran	Bidang
KKKP/ASK 1030-2/8 Membekalkan Komputer dan peralatannya	35201

### **BAYARAN**

Harga Dokumen Tender ialah RM50.00 dan bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Bank Draf, Wang Kiriman Pos atau Wang Pos atas nama **Ketua Setiausaha, Kementerian Kesenian dan Pelancongan Malaysia**. Bayaran dokumen ini **TIDAK** akan dikembalikan.

### **DOKUMEN TENDER**

Dokumen Tender boleh didapati dari Pejabat Akademi Seni Kebangsaan, No. 109, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur pada waktu pejabat dari Isnin hingga Sabtu mulai 14 Oktober, 1995.

Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa surat Pendaftaran Asal dari Kementerian Kewangan dan salinannya.

### **TAKLIMAT**

Satu sesi penerangan untuk wakil kontraktor yang telah membeli dokumen tender akan diadakan pada **24 Oktober 1995** pukul 9.30 pagi di Bilik Mesyuarat, Akademi Seni Kebangsaan, No. 109, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

### **PENYERAHAN TAWARAN TENDER**

Tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan tawaran yang berkenaan di sebelah kiri atas sampul surat dan dimasukkan ke dalam peti tender di Bahagian Pembangunan, Tingkat 35, Menara Dato' On, Pusat Dagangan Dunia Putra, 45, Jalan Tun Ismail, 50694 Kuala Lumpur sebelum atau pada **4 November, 1995** jam 12.00 tengah hari.

# BERITA HARI INI

SURATKHABAR: THE STAR  
MUKASURAT : 19

TARIKH: 16 OKT. 95  
HARI : ISNIN



## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA

### KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan pendaftaran masih lagi berkuatkuasa bagi menjalankan pembekalan/perkhidmatan berikut:

Butir-butir Tawaran	Bidang
KKKP/ASK 1030-2/8 Membekalkan Komputer dan Peralatannya	35201

### BAYARAN

Harga Dokumen Tender ialah RM50.00 dan bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Bank Draf, Wang Kiriman Pos atau Wang Pos atas nama Ketua Setiausaha, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Bayaran dokumen ini TIDAK akan dikembalikan.

### DOKUMEN TENDER

Dokumen Tender boleh didapati dari Pejabat Akademi Seni Kebangsaan, No. 109, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur pada waktu pejabat dari Isnin hingga Sabtu mulai 14 Oktober, 1995.

Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa surat Pendaftaran Asal dari Kementerian Kewangan dan salinannya.

### TAKLIMAT

Satu sesi penerangan untuk wakil kontraktor yang telah membeli dokumen tender akan diadakan pada 24 Oktober 1995 pukul 9.30 pagi di Bilik Mesyuarat, Akademi Seni Kebangsaan, No. 109, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

### PENYERAHAN TAWARAN TENDER

Tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berneterai dan bertanda dengan tawaran yang berkenaan disebelah kiri atas sampul surat dan dimasukkan ke dalam peti tender di Bahagian Pembangunan, Tingkat 35, Menara Dato' On, Pusat Dagangan Dunia Putra, 45, Jalan Tun Ismail, 50694 Kuala Lumpur sebelum atau pada 4 November, 1995 jam 12.00 tengahari.

# BERITA HARI INI

SURATKHABAR: B. HARIAN  
MUKASURAT : 5

TARIKH: 16 OKT. 95  
HARI : SENIN

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA

### KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan pendaftaran masih lagi berkuatkuasa bagi menjalankan pembekalan/perkhidmatan berikut:

Butir-butir Tawaran	Bidang
KKKP/ASK 1030-2/8 Membekalkan Komputer dan peralatannya	35201

### **BAYARAN**

Harga Dokumen Tender ialah RM50.00 dan bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Bank Draf, Wang Kiriman Pos atau Wang Pos atas nama **Ketua Setiausaha, Kementerian Kesenian dan Pelancongan Malaysia**. Bayaran dokumen ini TIDAK akan dikembalikan.

### **DOKUMEN TENDER**

Dokumen Tender boleh didapati dari Pejabat Akademi Seni Kebangsaan, No. 109, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur pada waktu pejabat dari Isnin hingga Sabtu mulai 14 Oktober, 1995.

Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa surat Pendaftaran Asal dari Kementerian Kewangan dan salinannya.

### **TAKLIMAT**

Satu sesi penerangan untuk wakil kontraktor yang telah membeli dokumen tender akan diadakan pada **24 Oktober 1995 pukul 9.30 pagi di Bilik Mesyuarat, Akademi Seni Kebangsaan, No. 109, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.**

### **PENYERAHAN TAWARAN TENDER**

Tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan tawaran yang berkenaan di sebelah kiri atas sampul surat dan dimasukkan ke dalam peti tender di Bahagian Pembangunan, Tingkat 35, Menara Dato' On, Pusat Dagangan Dunia Putra, 45, Jalan Tun Ismail, 50694 Kuala Lumpur sebelum atau pada **4 November, 1995 jam 12.00 tengah hari.**

# BERITA HARI INI

SURATKHABAR:  
MUKASURAT :

THE SUN  
41

TARIKH:  
HARI :

16 Okt. 95  
BNIN



## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA

### KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan pendaftaran masih lagi berkuatkuasa bagi menjalankan pembekalan / perkhidmatan berikut:

Butir-butir Tawaran	Bidang
KKKP/ASK 1030-2/8 Membekalkan Komputer dan Peralatannya	35201

### BAYARAN

Harga Dokumen Tender ialah RM50.00 dan bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Bank Draf, Wang Kiriman Pos atau Wang Pos atas nama Ketua Setiausaha, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Bayaran dokumen ini TIDAK akan dikembalikan.

### DOKUMEN TENDER

Dokumen Tender boleh didapati dari Pejabat Akademi Seni Kebangsaan, No. 109, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur pada waktu pejabat dari Isnin hingga Sabtu mulai 14 Oktober, 1995.

Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa surat Pendaftaran Asal dari Kementerian Kewangan dan salinannya.

### TAKLIMAT

Satu sesi penerangan untuk wakil kontraktor yang telah membeli dokumen tender akan diadakan pada 24 Oktober 1995 pukul 9.30 pagi di Bilik Mesyuarat, Akademi Seni Kebangsaan, No. 109, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

### PENYERAHAN TAWARAN TENDER

Tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan tawaran yang berkenaan disebelah kiri atas sampul surat dan dimasukkan ke dalam peti tender di Bahagian Pembangunan, Tingkat 35, Menara Dato' On, Pusat Dagangan Dunia Putra, 45, Jalan Tun Ismail, 50694 Kuala Lumpur sebelum atau pada 4 November, 1995 jam 12.00 tengahari.

# BERITA HARI INI

SURATKHBAR: *New Straits Times*  
MUKASURAT : 13

TARIKH: 16 Okt. 95  
HARI : ISNIN

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA

### KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan pendaftaran masih lagi berkuatkuasa bagi menjalankan pembekalan/perkhidmatan berikut:

Butir-butir Tawaran	Bidang
KKKP/ASK 1030-2/8 Membekalkan Komputer dan peralatannya	35201

### **BAYARAN**

Harga Dokumen Tender ialah RM50.00 dan bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Bank Draft, Wang Kiriman Pos atau Wang Pos atas nama **Ketua Setiausaha, Kementerian Kesenian dan Pelancongan Malaysia**. Bayaran dokumen ini **TIDAK** akan dikembalikan.

### **DOKUMEN TENDER**

Dokumen Tender boleh didapati dari Pejabat Akademi Seni Kebangsaan, No. 109, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur pada waktu pejabat dari Isnin hingga Sabtu mulai 14 Oktober, 1995.

Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa surat Pendaftaran Asal dari Kementerian Kewangan dan salinannya.

### **TAKLIMAT**

Satu sesi penerangan untuk wakil kontraktor yang telah membeli dokumen tender akan diadakan pada **24 Oktober 1995** pukul 9.30 pagi di Bilik Mesyuarat, Akademi Seni Kebangsaan, No. 109, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

### **PENYERAHAN TAWARAN TENDER**

Tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan tawaran yang berkenaan di sebelah kiri atas sampul surat dan dimasukkan ke dalam peti tender di Bahagian Pembangunan, Tingkat 35, Menara Dato' On, Pusat Dagangan Dunia Putra, 45, Jalan Tun Ismail, 50694 Kuala Lumpur sebelum atau pada **4 November, 1995** jam 12.00 tengah hari.

# BERITA HARI INI

SURATKHABAR:  
MUKASURAT :

4. 11. 87X  
26

TARIKH:  
HARI :

17 OCT. 95  
SELASA



RAHMAN SHAARI



ZUBIR ALI

## Deklamasi puisi pendidikan di KBN

FAKULTI Pendidikan Universiti Malaya dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dan Bank Rakyat akan mengadakan Persembahan Deklamasi Puisi Pendidikan IV.

Persembahan sempena Minggu Sastera DBP itu akan diadakan pukul 8.30 malam, 20 Oktober ini di Panggung Eksperimen, Kompleks Budaya Negara (KBN), Kuala Lumpur.

Peserta-peserta yang akan mengambil bahagian pada malam itu terdiri daripada calon-calon guru sastera Fakulti Pendidikan Uni-

versiti Malaya dan pelajar Akademi Seni Kebangsaan.

Manakala penyair yang turut mengambil bahagian antaranya ialah A. Ghafar Ibrahim, Mahaya Mohd. Yassin dan Prof. Hashim Yaacob.

Persembahan Malam Puisi Pendidikan ini diarahkan oleh Prof. Madya Rahman Shaari, turut disertai oleh penyanyi lagu-lagu puisi Zubir Ali dan penyanyi lagu-lagu rakyat Aripin Said.

Orang ramai dan peminat puisi dijemput menyaksikan persembahan itu dan masuk adalah percuma.

# BERITA HARI INI

SURATKHABAR: STAR  
MUKASURAT : 24

TARIKH: 29 07 95  
HARI : AHAD

## Biography of a master puppeteer

PERHAPS the most esteemed outcome of *dalang* Hamzah Awang Amat's tenure as *seniman negara* will be a biography of his life in the art of *wayang kulit*.

Tentatively titled "Angin Wayang: Biography of a Master Puppeteer", the book will be written by an eminent scholar and a dear friend of the legendary *dalang* himself, Dr. Ghulam Sarwar Youssof.

The relationship between Pak Hamzah and Dr. Ghulam has remained a long, formidable and fruitful one.

Since the earliest days of the Pusat Seni USM where Pak Hamzah trained students in the elaborate art of *wayang kulit*, the scholar and artist have worked closely together in unravelling much of the mystery and ambiguity that lies behind the art form.

The book will be especially valuable since the study of personalities in the field of the traditional Malay arts has never been commenced.

"Angin Wayang: Biography of a Master Puppeteer" will be the first study of its kind.

Tracing the life of the *dalang* from the earliest years of his instruction in the art of *wayang ku-*



The legendary *dalang* and *seniman negara* Hamzah Awang Amat. (inset)  
Author Dr. Ghulam Sarwar Youssof.

and even the two wives of the late *dalang* Lah.

Financed by the Ministry of Culture, "Angin Wayang: Biogra-

phy of a Master Puppeteer" by Dr. Ghulam Sarwar Youssof is due for completion in December.  
— By EDDIN KHOO



lit under the legendary *dalang* Lah, the book consists of rare interviews with *dalang* Hamzah himself, members of his troupe,

# BERITA HARI INI

SURATKHABAR: STAR  
MUKASURAT : 24

TARIKH: 29 07 95  
HARI : AHAD



The legendary dalang and seniman negara Hamzah Awang Amat. (inset)  
Author Dr. Ghulam Sarwar Youssofi.

and even the two wives of the late dalang Lah. Financed by the Ministry of Culture, "Angin Wayang: Biography of a Master Puppeteer" by Dr. Ghulam Sarwar Youssofi is due for completion in December. — By EDDIN KHOO

lit under the legendary dalang Lah, the book consists of rare interviews with dalang Hamzah himself, members of his troupe,



## Biography of a master puppeteer

PERHAPS the most esteemed outcome of dalang Hamzah Awang Amat's tenure as *seniman negara* will be a biography of his life in the art of wayang kulit. Tentatively titled "Angin Wayang: Biography of a Master Puppeteer", the book will be written by an eminent scholar and a dear friend of the legendary dalang himself, Dr. Ghulam Sarwar Youssofi.

The relationship between Pak Hamzah and Dr. Ghulam has remained a long, formidable and fruitful one.

Since the earliest days of the Pusat Seni USM where Pak Hamzah trained students in the elaborate art of wayang kulit, the scholar and artist have worked closely together in unravelling much of the mystery and ambiguity that lies behind the art form.

The book will be especially valuable since the study of personalities in the field of the traditional Malay arts has never been commenced.

"Angin Wayang: Biography of a Master Puppeteer" will be the first study of its kind.

Tracing the life of the dalang from the earliest years of his instruction in the art of wayang ku-

SURATKHBAR : B. HARIAN  
MUKASURAT : 25

## BERITA HARI INI

TARIKH : 30 OKT. 95  
HARI : ISNIN

# Lingkaran Hasrat boleh dimantapkan

KEHADIRAN deklamator jemputan dan persembahan puisi pelajar Akademi Seni Kebangsaan (ASK) berjaya membuatkan Persembahan Puisi Pendidikan Empat, malam Sabtu lalu lebih menarik berbanding sebelumnya.

Persembahan Puisi Pendidikan itu adalah acara tahunan bagi Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (FPUM), tetapi dengan kehadiran tokoh seperti Prof Dr Hashim Yaacob, Mahaya Mohd Yassin, Zubir Ali dan deklamator dari ASK membuatkan majlis kali ini lebih ceria.

Prof Hashim, walaupun pakar dalam bidang perigian tetapi turut memberi dimensi baru untuk dunia puisi, apabila menyampaikan sajak panjang dengan baik dan turut sama bersilat.

Persembahan Puisi Pendidikan bertemakan *Lingkaran Hasrat*, diadakan sempena Minggu Sastera 95 anjuran FPUM dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, ASK dan Bank Rakyat.

Pensyarah Maktab Perguruan Raja Melewar Seremban, Mahaya Mohd Yassin turut memberi imej baru dalam persembahan ketika menyampaikan puisinya *Seorang Gadis*. Mahaya juga menyanyikan lagu puisi. Pengarah kreatif persembahan, Rahman Shaari menyampaikan puisinya *Milah Anak Mak Som*.

Zubir Ali pula menyampaikan tiga lagu puisi iaitu

*Uda dan Dara*, *Guru Sidek* sebuah sajak untuk guru yang gigih dan jujur pada profesionnya dan *Kerbau*, sajak mengenai perubahan nilai dalam masyarakat kerana suatu ketika itu haiwan itu sangat banyak digunakan kepada manusia.

Ketua Unit Sastera, *Berita Harian*, A Rahim Abdullah turut menyerikan majlis dengan sajak barunya bertajuk *Misteri Sang Gedembai* yang dihasilkan ketika berkunjung ke Kedah, Kedah baru-baru ini, manakala Rosli Saludin dengan *Jam Siput*.

Istina Jafri, Ria Asmira, Hairul Anuar, Shaza, Mislina dan Jasmina dari ASK, turut menghidupkan lagi acara baca puisi itu apabila mereka menyampaikan puisi diiringi dengan tarian.

Bakal pendidik yang mendeklamasikan puisi ialah Zalakiah Hanim Mohd Salleh, Noor Aziah Abdul Wahab, Siti Zainah Juahir, Ahmad Sukri Abdullah, Hassan Jaidin, Wan Rokiah Wan Abd Ghani, Mardziah Adam, Wan Aini Omar dan beberapa pendidik lain.

Jafri Hussein, pemenang sayembara deklamasi Puisi Hari Kebangsaan yang kini bertugas di ASK juga tidak ketinggalan dalam acara itu.

A Ghafar Ibrahim yang sudah lama tidak membaca puisi menjadi deklamator jemputan pertama dengan sajak *La..La..La..La* yang dicipta dalam tahun 1969, dan penutup oleh Aripin Said yang menyampaikan lagu rakyat.

SURATKHBAR : 4.11.95  
MUKASURAT : 28

## BERITA HARI INI

TARIKH : 2 NOV - 95  
HARI : KHAMIS



DR. HASHIM YAACOB (kiri) bersilat ketika mendeklamasikan puisi di Panggung Eksperimen, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

# Kelainan puisi pendidikan

Oleh LAWRENCE QUEK

USAHA Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dan Dewan Rakyat menganjurkan Malam Puisi Pendidikan IV perlu dilihat sebagai usaha menghidupkan baca puisi sebagai pengucapan kreatif.

Baca puisi di Panggung Eksperimen Kuala Lumpur, baru-baru ini tidak membariskan *celebrity* kecuali Zubir Ali yang tidak asing dengan lagu puisi. Beliau mendedangkan puisi *Kebau* dan *Uda dan Dara*.

Kesungguhan tenaga belakng pentas diketuai Prof. Madya Rahman Shaari membuktikan puisi bukan pengucapan senada tanpa getar suara.

Tidak mengecewakan melihat kesungguhan dan persembahan pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan Universi-

ti Malaya. Ternyata mereka memahami aspek kreatif sebagai faktor kekuatan sesuatu persembahan jika ingin mengikat rasa khalayak.

Bertemakan *Lingkar* *Hasrat*, mereka membuktikan puisi dapat dipelbagai persembahannya dengan sketsa dan pengucapan bergilir.

Pengucapan puisi pada malam itu turut dibahangi deklamator muda berbakat, Ahmad Shukri Abdullah dengan puisi *Mantera*.

Persembahan yang disertai oleh penyanyi lagu rakyat Aripin Said dengan lagu *Angin* turut dimeriahkan dengan persembahan para pelajar Akademi Seni Kebangsaan (ASK).

Kreativiti pelajar ini membuktikan mereka dapat mendekati pengucapan puisi yang dinamis. Malah tidak keterlaluan dikatakan pelajar-pelajar tersebut memanfaatkan ilmu persembahan yang dipelajari di kelas.

Tidak juga mengecewakan apabila Penolong Pengarah ASK Zaifri Hussin mendeklamasikan puisi dengan nada bersemangat dan yakin.

Sulaman unsur tradisi kesenian rakyat seperti seni silat dan gurindam memberikan kekuatan tersendiri kepada pengucapan puisi malam itu.

Dr. Hashim Yaacob membuktikan sentuhan dan nilai kreativiti apabila menyulami persembahan dengan silat. Puisi tidak hanya perlu ditambah dengan pengucapan kata-kata berbahasa semata.

Prof. Madya Rahman Shaari pula menyelitkan pengucapannya dengan bacaan gurindam.

Pastinya, Malam Puisi Pendidikan IV tidak mengecewakan. Biarlah tanpa kemilauan penyanyi atau pelakon popular dan keresahan mengumpul khalayak, pencinta puisi tidak miskin kreativiti dan semangat.



Latihan praktikal seni teater



Salah seorang tenaga pengajar teater.

# ASK Tingkatkan Martabat Seni

Oleh AZLIE

**KUALA LUMPUR, Isnin:** Bagi memartabatkan seni tanah air, Akademi Seni Kebangsaan (ASK) telah merancang beberapa sesi keilmuan untuk segenap pendukung seni.

Menurut Norliza Rofli, Pendaftar ASK menyatakan program berbentuk keilmuan itu merangkumi Seminar Penulisan Drama,

Bengkel Pembuatan Alat Muzik Angklung dan Seminar Teater.

"Memang menjadi hasrat kami di ASK untuk melahirkan sebuah generasi yang mahir dan berwibawa di bidang seni. Sesungguhnya program jangka pendek ini agak jarang dianjurkan dan peluang ini tidak seharusnya dilepaskan begitu sahaja," ulas Norliza Rofli semasa sidang akhbar

ASK yang diadakan di bangunan baru ASK bertempat di Jalan Ampang.

Menurut Norliza seminar dan bengkel tersebut akan diadakan bermula dari 18 hingga 25 November ini. Bagi Seminar Penulisan Dramatik akan diadakan di Hotel Seri Malaysia, Port Dickson. Seminar ini akan membincangkan bidang teori, praktikal dan isu-isu terkini dalam

bidang penulisan dramatik.

"Bengkel Pembuatan Alat Muzik Angklung yang julung-julung kali diadakan ini merangkumi secara terperinci asas, sejarah, pembuatan dan permainan alat muzik angklung," jelas Norliza.

Sementara Seminar Teater pula akan diadakan dari 23-25 November 1995 bertemakan "Pengajaran dan Pembelajaran Teater di Malaysia".

Seminar tiga hari ini akan dikendalikan oleh Krishenjit, Prof. Chouse Nasuruddin, Dr. Anuar Nor Arai dan Rosminah Tahir.

Bagi anda yang berminat untuk menyertai seminar dan bengkel tersebut boleh menghubungi Akademi Seni Kebangsaan di talian 03-2649180 atau datang sendiri ke pejabat pentadbirannya di 139, Jalan Ampang, Kuala Lumpur (bersebelahan Matti).



Norliza Rofli...melahirkan generasi berbakat dalam seni.

## BERITA HARI INI

SURATKHABAR : UTJUAN MALAYSIA  
MUKASURAT :

26

TARIKH :  
HARI :

7 NOV. 95  
SELASA

### Seminar drama, angklung dan teater

AKADEMI Seni Kebangsaan (ASK) akan mengadakan Seminar Penulisan Drama, Bengkel Pembuatan Angklung dan Seminar Teater dari 18 hingga 25 November ini.

Menurut Pendaftar ASK, Nerliza Rofli, seminar penulisan drama akan berlangsung di Hotel Seri Malaysia, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Katanya, program keilmuan sempena cuti semester akademi itu merangkumi perbincangan teori, praktikal dan isu terkini yang berkaitan.

"Kami menjemput tokoh-tokoh ternama seperti Teguh Karya, Mana Sikana, Atondra, Zakaria Ariffin, Othman Hafsyam dan Prof. Madya Dr. Anuar Nor Arai sebagai pemsyarah pada seminar tersebut," katanya.

Bagi kursus tersebut, peserta dikenakan bayaran RM150 dan untuk pelajar RM100 manakala penyertaan terhad kepada 70 peserta saja.

Pada 18 hingga 22 November diadakan bengkel pembuatan angklung di ASK, Jalan Ampang Kuala Lumpur dan dikendalikan oleh pakar angklung Suryo Kencono dan Suhaimi Nasion.

"Bengkel ini akan memperkatakan sejarah, falsafah dan fungsinya. Selain

itu, diadakan bengkel pembuatan dan persembahan angklung oleh peserta," tambahnya.

Beliau menjelaskan, bengkel ini terbuka kepada sesiapa yang berminat dan bayaran RM50 untuk peserta dan RM20 untuk pelajar.

Seminar teater pula akan diadakan dari 23 hingga 25 November di AKS, bertemakan *Pengajaran dan Pembelajaran Teater di Malaysia*.

Pembentang kertas kerja ialah Krishen Jit, Supiat Mukri, Rahmah Bujang, Zahim Al-Bakri, Mana Sikana, Dr. Anuar Nor Arai, Rosminah Tahir, Zakaria Ariffin, Dr. Hatta Azad Khan dan Dr. Mohd. Ghousse Nasuruddin.

"Bayaran penyertaan ialah RM50 dan untuk kumpulan antara dua hingga enam orang ialah RM30 dan RM10 untuk pelajar dan mahasiswa," kata Nerliza.

Orang ramai dan penggiat teater yang berminat boleh mendapat keterangan lanjut di Akademi Seni Kebangsaan (ASK), 139, Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur (sebelah MATIC) atau telefon 03-2649180/264-9472 atau faks 03-2649186.

## BERITA HARI INI

SURATKHABAR : B. HARIAN  
MUKASURAT : 22

TARIKH : 14 NOV - 95  
HARI : SELASA



ERMA FATIMAH  
...turut serta



ZAKARIA ARIFFIN  
...turut berceramah

# Erma sertai seminar ASK

Oleh Jamudin Idris

PELAKON dan pengarah muda, Erma Fatima dan Hani Mohsein antara mereka yang sudah mendaftarkan diri untuk menyertai Seminar Penulisan Dramatik anjuran Akademi Seni Kebangsaan yang akan diadakan mulai 18 hingga 22 November ini.

Penolong Pengarah, Jabatan Penulisan Kreatif yang bertindak sebagai pegawai projek, Samad Kechot berkata, sehingga Khamis lalu, kira-kira 30 orang sudah mendaftar dan penyertaan masih dibuka.

Seminar itu akan berlangsung di Hotel Seri Malaysia, Port Dickson.

Antara mereka yang akan memberi ceramah dalam seminar itu ialah Prof Madya Dr A Rahman Napiah (UKM), Zakaria Ariffin (DBP), Noordin Abdul Rahman (Atondra), Zakaria MZ, Othman Hafsyam, A Wahid Nasir, Prof Madya Dr Anuar Nor Arai, Mahadi J Murat dan Dr Naim Ahmad.

Bidang yang diperbincangkan dalam seminar itu ialah drama pentas, drama radio, drama tele-

visyen dan filem.

Forum yang dianggotai Dr Anuar, Othman Hafsyam, Dr A Rahman dan Teguh Karya dari Indonesia juga akan diadakan.

Bayaran pendaftaran ialah RM150 untuk perseorangan, RM100 (institusi dan pusat pengajian tinggi) dan RM50 bagi pelajar Akademi Seni Kebangsaan yang bukan dari Jabatan Penulisan Kreatif.

Samad berkata, seminar itu bertujuan membuka ruang kepada penulis, aktivis, pengkaji dan peminat bidang seni penulisan dramatik.

Dengan adanya seminar itu ia dapat memberi pendedahan seluas mungkin kepada peserta.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dijangka merasmikan seminar itu, manakala penutupan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Ismail Adam.

Keterangan lanjut mengenai seminar boleh dihubungi melalui telefon 03-2649180/2649475/77/78.

## BERITA HARI INI

SURATKHABAR : B-HARIAN  
MUKASURAT : 16

TARIKH : 16 NOV 95  
HARI : LHA M U

### Misbach ganti Teguh Karya beri ceramah <sup>x</sup>

PENGARAH Sinematik Indonesia yang juga seorang pensyarah, Misbach Yusa Biran akan menggantikan tempat Teguh

Karya pada Seminar Penulisan Dramatik anjuran Akademi Seni Kebangsaan (ASK) di Port Dickson mulai 18 hingga 22

November ini.

Penolong Pengarah, Jabatan Penulisan Kreatif ASK, Samad Kechot berkata, Misbach dicadang-

kan sendiri oleh Teguh.

Setakat ini kira-kira 40 orang sudah mendaftar diri untuk menyertai seminar itu.

## BERITA HARI INI

SURATKHABAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKASURAT : 26

TARIKH : 16 NOV. 95  
HARI : HAMBIS

### // Teguh Karya tidak dapat hadir \*

SUTRADARA terkenal Indonesia, Teguh Karya yang sepatutnya menjadi pembentang kertas kerja dan menyampaikan ucap utama pada Seminar Penulisan Dramatik anjuran Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dari 19 hingga 22 November ini di Hotel Seri Malaysia, Port Dickson, Negeri Sembilan tidak dapat menghadirkan diri atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Bagaimanapun, tempat beliau akan digantikan oleh pengarah dari Sinematik Indonesia yang juga pensyarah Institut Kesenian Jakarta, Misbach Yusa Biran.

Misbach yang hanya akan menyampaikan kertas kerja bertema *Penulisan Dramatik Menjelang Abad Ke-21* akan berada dalam seminar itu selama dua hari iaitu mulai 20 hingga 22 November ini.

## BERITA HARI INI

SURATKHABAR: B. HARIAN  
MUKASURAT : 26

TARIKH: 18 NOV. 95  
HARI : SABTU

# Penggiat teater sertai Sidang Keilmuan

Oleh Penulis Khas

KIRA-KIRA 90 hingga 120 penggiat teater yang mengambil bahagian dalam Pekan Teater Kebangsaan akan turut menyertai Sidang Keilmuan yang diadakan di Wisma Belia, tempat penginapan peserta mulai, semalam hingga 22 November ini.

Seperti tahun lalu, Akademi Seni Kebangsaan (ASK) diberi tanggungja-

wab mengendalikan sidang itu supaya peserta dapat dipermanfaatkan dengan ilmu teater pada siang hari.

Sidang Keilmuan di-khususkan untuk semua peserta yang mengambil bahagian. Kerana sebelum ini bengkel pengarah-an diadakan untuk pengarah dan pengarah teknik mulai 7 hingga 14 Oktober

lalu yang dikelolakan oleh Joe Hafsham dan Krishen Jit.

Penolong Pengarah Jabatan Teater ASK, Rosminah Tahir berkata, sidang keilmuan kali ini akan memusatkan kepada *Theatre Games*, sebagai asas latihan gerak dan improvisasi yang mengarah kepada pengujian minda bagi menghasilkan karya

kreatif secara kumpulan.

Selain itu, penumpuan kepada latihan vokal bagi membantu peserta mengenal asas kekuatan dan kelemahan suara akan dipraktikkan sewaktu pementasan teater.

Rosminah berkata, sesi latihan dibahagikan kepada enam perkara iaitu vokal, *warm-up*, permainan, improvisasi dan cipta. Vo-

kal adalah latihan yang mengamalkan kesejahteraan dalam penggunaan suara untuk membolehkan peserta mengambil iktibar sebagai landasan mempraktikkan dalam apa jua kegiatan yang menggunakan vokal.

Peserta akan diperkenalkan sistem suara yang betul ketika melontar/menghantar suara dan

langkah mengimbanginya ketika berlakon. Aktiviti *warm-up* pula untuk membina kekuatan fizikal sebagai ketahanan tenaga untuk membantu kegiatan yang berterusan dan seimbang ketika di pentas.

Permainan yang ditekankan adalah permainan rakyat, dipraktikkan dalam bentuk permainan teater untuk diadaptasi

kepada bentuk lakonan dan gerak pula ialah latihan membiasakan diri kepada gerak bebas, berdasarkan persekitaran yang bersesuaian.

Latihan improvisasi mengarah kepada penggalakan meneroka alam fantasi secara menggerakkan minda, tindakan spontan sebagai persediaan mengimbangi sebarang keja-

dian kealpaan di pentas. Cipta pula untuk merangsang kreativiti mencipta dalam satu kumpulan ke arah persembahan pendek untuk semua peserta.

Rosminah berkata, pada sesi ini juga, pihaknya mengadakan sesi minda yang dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu himpun seni, bicara seni dan persembahan kumpulan.

## BERITA HARI INI

SURATKHBAR : B. MINGGU  
MUKASURAT : 22

TARIKH : 19 Nov - 75  
HARI : AHAD



MANA SIKANA... wakil UKM.



PROF RAHMAH BUJANG... WAKIL UM.

# Akademi seni anjur seminar teater

Oleh JAMUDIN IDRIS

**A**KADEMI Seni Kebangsaan (ASK) akan menganjurkan seminar teater selama tiga hari mulai Khamis ini (23 November) bagi meninjau dan berkongsi pengalaman mengenai pengajaran dan pembelajaran teater tanah air.

Seminar dijalankan di bilik seminar ASK itu juga berusaha untuk memperkenalkan kampus ASK yang kini beroperasi di Jalan Ampang, sejak September lalu.

Seminar kali pertama itu juga akan mengkaji sistem pengajaran teater secara formal bagi memperkukuhkan lagi sistem pembelajaran dan pengajaran dalam usaha memperlengkapkan keperluan teater masa kini dan akan datang.

Penolong Pengarah Jabatan Teater ASK, Zaifri Husin yang bertindak sebagai penyelaras berkata, selain pembentangan kertas kerja, seminar itu juga memberi peluang peserta berkongsi pengalaman dengan beberapa aktivis teater.

Sepuluh tokoh yang tidak asing dalam dunia teater, Krishen Jit (ASK), Supiat Mukri (Panggung Negara), Prof Dr Rahmah Bujang (Universiti Malaya), Zahim Al Bakri (aktivis teater), Mana Sikana (Universiti Kebangsaan Malaysia), Dr Anuar Nor Arai (Universiti Malaya), Rosminah Tahir (ASK), Zakaria Ariffin (Dewan Bahasa dan Pustaka), Prof Dr Ghouse Nasaruddin (USM) dan Dr Hatta Azad Khan dari Unimas akan membentangkan kertas kerja.

Seminar itu terbuka kepada semua, terutama wakil institusi pengajian tinggi, maktab perguruan, kolej atau sekolah kesenian dan aktivis teater.

Mereka yang berkaitan dengan pembelajaran kesenian, penggiat serta badan yang menganjurkan latihan kesenian boleh turut serta dalam seminar itu.

Empat orang dari setiap enam kumpulan teater yang bertanding pada Pekan Teater Kebangsaan akan menyertai seminar ini.

Mereka yang ingin menyertai dikenakan bayaran RM50 seorang, RM30 kumpulan atau wakil institusi, RM10 untuk pelajar dan mahasiswa.



ROSMINAH... wakil ASK.

Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Ismail Adam akan merasmikan seminar itu dan penutup dilakukan oleh timbalannya, Datuk Tengku Alauddin Abdul Majid.

Mereka yang berminat boleh hubungi 03-2649478/2649477/2649475.

# BERITA HARI INI

SURATKHABAR: U.M 87A  
MUKASURAT : 26

TARIKH: 21 NOV. 95  
HARI : SELASA

## Jangan tunduk tuntutan khalayak

ERA profesionalisme dalam dunia teater di Malaysia dikatakan akan bermula sebelum berakhirnya abad ini.

Sekiranya ini menjadi kenyataan, dikuatkan lagi dengan siapnya Panggung Negara pertengahan 1997, berarti sekurang-kurangnya 250 malam pementasan diperlukan bagi proses pengisian.

Ini berlebihan lebih 150 pementasan yang telah sedia ada di Kuala Lumpur, termasuk kumpulan amatir. Bagaimanapun, dalam usaha dan keghairahan menuju era tersebut karyawan diingatkan supaya tidak tunduk kepada tuntutan khalayak.

Ini bagi memastikan nilai seni dan naskhah itu terpelihara dan terhindar daripada unsur-unsur negatif semata-mata mahu menarik khalayak.

"Dalam mengejar era ini, pendekatan dan pengerjaan naskhah itu harus berdasarkan ciri-ciri profesionalisme. Untuk itu, kita tidak lagi boleh sekadar menulis apa yang kita suka atau apa yang kita mahu khalayak tonton.

"Sebaliknya, tinjauan harus dibuat terlebih dahulu berhubung 'selera' khalayak memang 'selera' penonton itu beragam tetapi karyawan tidak harus tunduk kepada tuntutan khalayak," kata aktivis teater terkenal Zakaria Ariffin pada Seminar Penulisan Dramatik anjuran Akademi Seni Kebangsaan (ASK) di Port Dickson Negeri Sembilan.

Pada Seminar yang berlangsung empat hari seramai 50 peserta seluruh negara mengahdirinya. Seminar ini bertema *Penulisan Dramatik Menjelang Abad Ke-21*. Ia meliputi bidang penulisan drama 'pentas' TV, Radio dan filem.

Zakaria yang membentangkan kertas kerja *Teater Malaysia Ke arah Era Profesionalisme* berkata, karyawan masih boleh berkompromi untuk memberikan sesuatu yang dapat menjadikan karya tersebut lebih menarik, tanpa mencemarkan nilai-nilai seninya.



ZAKARIA...Selera khalayak beragam tetapi karyawan tidak harus tunduk dengan tuntutan.

Katanya, antara contoh yang dapat dimanfaatkan ialah unsur-unsur *Spectacles* yang mempunyai kesesuaian. Ini kerana unsur-unsur kekauguman tersebut mampu menjadi suatu daya tarikan di samping memperkuatkan struktur dramatik sesebuah cerita drama.

"Sejarah telah membuktikan bahawa tuntutan khalayak tidak wajar dituruti sepenuhnya. Kesenian tradisional sendiri banyak yang hancur kerana terlalu menurut kemahuan khalayak.

"Apatah lagi kesenian moden atau budaya popular yang cukup mudah cenderung ke arah tersebut. Kerana itu usahlah memberikan ruang kepada diri kita untuk dikutuk kerana mengulangi sejarah," katanya.

Menurut Zakaria, di Jepun, teater tradisionalnya, *Kabuki* pernah mengalami zaman kehancuran kerana memasukkan unsur-unsur kurang sihat seperti seks untuk menarik khalayak. Bagaimanapun, *Kabuki* berjaya, diselamatkan oleh penggiat yang peka terhadapnya.

Di Malaysia, katanya, bangsawan turut mengalami nasib yang sama apabila penglibatannya menggunakan *Scene extra turn* sebagai usaha untuk menarik khalayak dengan mengetengahkan perkara-perkara yang tidak sihat.

Ini mengakibatkan anjuran konsep bangsawan itu menurun dan khalayak yang menonton mahu menyaksikan unsur-unsur lain kurang sihat.

Senario teater Melayu yang memperlihatkan dua keadaan yang kontras menurut Zakaria, turut mempengaruhi dan tujuan khalayak menonton.

Drama yang popular bentuknya, dengan elemen-elemen komedi dan Muzik sering mendapat sambutan yang menggalakkan apatah lagi dengan kehadiran *celebrity*. Keadaan ini berbeza sama sekali jika sebuah drama yang agak serius atau berat temanya dipentaskan.

"Baru-baru ini saya menerbitkan karya terjemahan *Rumah Manusia* tetapi sambutannya amat menyedihkan. Ini kerana teater ini serius dan pelakornya bukan popular.

"Tetapi, ketika menerbitkan drama yang juga serius iaitu *Teman*, sambutan membanggakan kerana di situ ada *celebrity* seperti Sabri Yunus, Imuda dan Rima Rashidi," tegasnya.

Justeru itu, Zakaria mencadangkan supaya karyawan/penulis skrip drama pentas haruslah bijak menggabung dan menyeimbangkan tiga unsur, cerita yang kuat + *spectactors* + muzik (jika perlu).

Penonton yang membayar untuk menonton biasanya mahu mendapat kesan yang menyakinkan di samping menghiburkan.

Karyawan boleh memberikan kesan yang diharapkan itu tetapi masih perlu mempertahankan aspek cerita yang menjadi dasar.

# BERITA HARI INI

SURATKhabAR: 4 M87A  
MUKASURAT : 23

TARIKH: 21 NOV. 95  
HARI : SELASA

## Karyawan harus berani terokai konsep baru

PENULISAN dramatik harus diberi perspektif baru supaya penghasilannya dapat memperkayakan budaya bangsa dan mengangkat kedudukan karyawan itu sendiri.

Justeru itu menurut bekas Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (FINAS) Datuk Mohd. Zain Hamzah, karyawan hari ini harus ada keberanian meneroka konsep dan falsafah hidup yang lebih luas dan mencabar dalam karya mereka.

"Penulisan drama harus menjadi sumber ilmu dan pendorong daya fikir. Peranan sedemikian dirasakan amat sentral bagi umat yang sedang membangun.

"Menyelitikan ciri-ciri ilmu, pengetahuan, contoh dan teladan yang baik dalam skrip yang mahu dijadikan filem, drama radio, TV atau pentas mestilah menjadi premis 'cinta rahsia' tiap-tiap penulisan dramatik," kata-

nya pada Seminar Penulisan Dramatik anjuran Akademi Seni Kebangsaan (ASK) di Port Dickson, Negeri Sembilan, Ahad lalu.

Menurutnya, topik yang baik bagi sesebuah cerita drama sewajarnya berupa sesuatu yang mampu membangkitkan dan merangsang imaginasi yang sihat kepada penonton.

Katanya, penulisan sama ada untuk TV, filem dan pentas seharusnya bersifat filosofik, extrinsic dan intrinsic.

"Tetapi aneh, kebanyakan drama khususnya TV hari ini berkisar pada tema dan konsep yang serupa dan stereotaip di samping menjadikan karya Barat sebagai ikutan.

"Dialog-dialog yang kita anggap *ta-boo* yang diskrikan oleh penulis skrip murahan Barat di terjemah dan digunakan bulat-bulat oleh sesetengah penulis kita," tambahnya.

Menurut Zain, 60 peratus karya-karya penulis Barat yang ditayangkan membawa cerita dan babak yang membahayakan masih diminati dan menjadi tiruan karyawan di sini.

Katanya, penulis dramatik yang dinamik tidak harus melupakan tiga perkara penting iaitu menjiwai, melindungi dan menyebarkan ideanya.

"Penulisan dramatik adalah simpulan dialog yang lahir daripada pemikiran. Skrip adalah satu-satunya aset yang amat berharga kepada penulis.

"Seperti harta dan aset lain dalam kehidupan, para penulis dramatik harus dijaga, dilindungi dan harganya harus dinilai," tegasnya.

Zain optimis, selain nilai estetikanya sebagai komoditi budaya, hasil karya penulis dramatik di masa akan datang semakin menjadi komoditi dagangan. — SITI ROHAYAH ATTAN.

## BERITA HARI INI

SURATKHBAR: 4. 11. 87  
MUKASURAT : 28

TARIKH: 23 Nov. 85  
HARI : Khamis

# Personaliti bangsa dalam karya dramatik

Oleh  
SITI ROHAYAH ATTAN

**P**ERSONALITI bangsa adalah titik tolak yang amat penting dalam usaha melawan 'penjajahan' pemikiran akibat globalisasi komunikasi. Dalam hal ini, penjajahan fikiran akan mendominasi dan memberi impak yang menakutkan terhadap budaya bangsa asal.

Kemampuan memiliki keperibadian bangsa mampu bertindak sekurang-kurangnya 'menahar' budaya sesuatu bangsa itu daripada terus dirosakkan oleh ledakan komunikasi canggih.

Perkara ini akan berlaku di kalangan bangsa di Asia Tenggara kerana soal keperibadian bangsa (*national personality*) menjadi soal penting berbanding bangsa Jepun.

Bagaimanapun, karyawan terkenal Indonesia, Misbach Yusa Biran berpendapat, penjajahan yang dilakukan melalui media komunikasi ini harus dilawan dengan aksi komunikasi.

"Penjajahan ini boleh dilawan antara lain melalui kesungguhan mencipta cerita dramatik baik melalui filem, TV mahupun radio kerana kesungguhan cerita dramatik memiliki kemampuan yang luar biasa mempengaruhi khalayak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja *Menemukan Keperibadian Sebagai Tuntutan Mendasar Penulisan Dramatik Dalam Menghadapi Tentangan Abad Ke-21* pada seminar penulisan dramatik anjuran Akademi Seni Kebangsaan (ASK) di Port Dickson, Negeri Sembilan, kelmarin.

Beliau yang berkesempatan bertemu pengarah siri Jepun, *Tora San*, Yoji Yamada telah bertanya kepada pengarah itu bagaimana Jepun boleh menemui



SEBAGIAN peserta yang menghadiri Seminar Penulisan Dramatik di Port Dickson, Negeri Sembilan baru-baru ini.

karakter dalam filemnya. Pertanyaan itu telah menimbulkan kehairanan Yamada kerana beliau tidak pernah memikirkan perkara tersebut.

"Ciri itu sebenarnya telah muncul dengan sendirinya bersama keperibadian bangsa Jepun. Justeru itu, Yamada menasihatkan saya agar tidak memikirkan soal itu kerana bagi bangsa Jepun hal keperibadian bangsa sama sekali bukan masalah.

"Tetapi tidak demikian halnya dengan kita di Asia Tenggara khususnya yang lama terjajah. Kita masih harus menemukan dan tidak boleh menunggu sampai terbentuk sendiri kerana bahaya yang mengancam terus datang dalam era globalisasi," katanya yang pernah memenangi Sutradara Terbaik dan Penulis Cerita Terbaik Indonesia pada 1968.

Tambahnya, dalam bentuk lain contoh boleh dilihat kepada Bali yang mementingkan keperibadian sebagai titik tolak pertahanan dalam menghadapi pengaruh luar. Pulau Bali telah menjadi



MISBACH YUSA BIRAN

tumpuan sejak Perang Dunia Kedua dengan kehadiran pelbagai bangsa tetapi Bali tetap bertahan. Kebudayaan asing yang bebas di Bali tidak menjadi masalah kepada orang Bali.

Menurut Pengarah Sineematik Indonesia ini, personaliti yang harus dimiliki bukan hanya membuat kita bertahan atau sekadar wujud

semata tetapi juga yang boleh memberikan keindahan serta variasi kehidupan yang beradab. Personaliti sedemikian akan melahirkan kebudayaan yang berkembang dan mantap.

"Orang Cina Hong Kong berjuang mencari identiti baru ketika berusaha membangkitkan perfileman di situ. Pada waktu itu filem naga Jepun sedang berjaya, penataan adegan pertarungan para Samurai mengagumkan.

Farasamajes Kurosawa memberikan model berharga dalam filemnya *Yujimbo* mahupun *Seven Samurai*.

"Tetapi, orang Hong Kong tidak mahu meniru. Mereka menciptakan sendiri pertarungan yang khas, sesuai dengan jurus silat dan fantasi mereka sendiri yang melahirkan adegan pertarungan yang unik.

Hasilnya, ia mampu bersaing malah menyingkirkan filem Samurai dari pasaran," katanya.

Beliau berkata, filem Indonesia sekitar 50-an juga 'terpaksa' meniru pola filem In-

dia kerana waktu itu pasaran filem India mempengaruhi pola filem Indonesia. Sebelum itu penduduk Islam Indonesia dipengaruhi melodi muzik padang pasir.

Bagaimanapun, menurut Misbach, dalam tempoh tiga tahun saja filem India mengubah selera penonton bawahan Indonesia yang sudah tertanam sejak berabad.

Karyawan Indonesia pula terpaksa meniru pola filem India dan memasukkan sejumlah lagunya yang menghasilkan muzik baru iaitu 'muzik dangdut'.

Begitu juga dengan peniruan filem laga Cina dan filem silat Indonesia yang berlatarbelakangkan sejarah Majapahit yang menggunakan jurus kung fu. Filem seperti ini terus mendapat sambutan di Indonesia kerana bagi mereka perkara itu bukan sesuatu yang asing.

Menurutnya, peniruan yang dilakukan itu bukan bermakna karyawan filem Indonesia berniat 'jahat' untuk memasukkan unsur asing ke dalam industri filem mereka.

Tetapi, mereka terpaksa mengambil jalan pintas bagi menghadapi situasi berbahaya dalam pemasaran.

"Masyarakat mudah merumuskan bahawa kekurangan penulisan ialah pada ceritanya yang kurang mendalam baik dalam pengolahan permasalahan mahupun isinya di samping kurang memiliki hubungan sosial. Sedangkan pada hakikatnya, kelemahan tersebut terletak pada pengembangan dramatik yang terlalu simplistik," tegasnya.

Menurutnya, sekiranya dikaji secara lebih terperinci akan terlihat bahawa penggunaan klise asing telah mempengaruhi unsur dramatik. Ini secara sadar atau tidak telah menggalakkan perkembangan serta menjadi ejen penyebaran budaya asing.

## BERITA HARI INI

SURATKHABAR: MING. M81A  
MUKASURAT : 17

TARIKH: 26 NOV. 95  
HARI : AHAD.

### Imej penggiat teater perlu dipertingkatkan

KUALA LUMPUR 25 Nov. — Imej penggiat teater, yang selama ini dikaitkan dengan pergaulan bebas dan tidak profesional, harus diubah jika ia mahu menjadi bidang seni yang dihormati dan mendapat tempat di kalangan masyarakat.

Pengarah Pusat Seni Universiti Sains Malaysia (USM) Dr. Ismail Abdullah hari ini berkata pandangan serong masyarakat terhadap penggiat teater boleh diubah jika segala kegiatan mereka berlandaskan nilai budaya dan agama.

Dr. Ismail yang mempengerusikan diskusi pada hari terakhir seminar "Teater: Pengajaran dan Pembelajaran" anjuran Akademi Seni Kebangsaan, turut menekankan mengenai keperluan pengurusan teater secara profesional di negara ini.

Seorang pembentang kertas kerja yang juga merupakan penggiat teater terkenal tanah air Zahim Al Bakri berkata di Britain pelajar bidang teater tidak digalakkan mencari glamor dengan berpakaian menjolok mata, pelik atau menarik perhatian.

Malahan, katanya kebanyakan kolej drama di Britain tidak akan menerima penuntut yang kurang berdisiplin bagi menjaga imej institusi masing-masing.

Pengarah Panggung Negara Supiat Mukri, yang mewakili Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Tengku Alaudin Majid menutup seminar tiga hari itu.

Seramai 40 peserta daripada Petronas, USM, Akademi Seni Melaka dan penggiat teater dari seluruh negara menyertai seminar itu yang antara lain bertujuan mengkaji masalah sistem pengajaran dan pembelajaran teater di Malaysia. — Bernama.

# Penggiat teater perlu berilmu

oleh Jamudin Idris

ENGGIAT teater harus bersedia memperdalam ilmu dalam bidang itu kerana penonton yang menyaksikan persebahannya mereka kini bukan saja menginginkan kepuasan mosti tetapi mahu persembahan yang disajikan lebih intelektual.

Atas tuntutan itu, penggiat perlu mengikuti silang keilmuan dan seminar teater supaya mereka menjadi peka kepada keadaan penonton dan dapat menyajikan persembahan yang terbaik.

Ketua Setiausaha, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Ismail Adam, berkata ramai kalangan audien teater kini terdiri daripada golongan elit dan mereka menonton bukannya atas kehendak emosi semata-mata, tetapi mahukan kepuasan intelektual.

Untuk memenuhi kehendak intelektual itu, penggiat perlu pandai mencari sesuatu yang baik dan ini tentunya diperolehi sekiranya mereka ada ilmu dalam dunia teater.

Persoalannya, apa akan jadi sekiranya penggiat tidak melengkapkan diri dengan perkara semasa dalam teater sedangkan

Perhatian kerajaan tidak setakat penyediaan infrastruktur, tetapi Kementerian Kewangan, memperuntukkan dana RM50 juta bagi menyuburkan kegiatan kesenian dan teater

dengannya seperti penyediaan prop, kostum, pentaan cahaya dan hiasan untuk sesebuah persembahan juga perlu bersedia merebut peluang. Bidang itu juga sebenarnya menjanjikan hasil pulangan yang baik.

Ismail berkata, dalam masa yang sama, kerajaan khususnya Kementerian memberi perhatian kepada kegiatan kesenian dengan penubuhan ASK itu sendiri. Perhatian kerajaan tidak setakat penyediaan infrastruktur, tetapi Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan dana RM50 juta untuk membantu menyuburkan kegiatan kesenian termasuk teater.

Selain itu, cukai hiburan turut dimansuhkan di Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan, Labuan. Pemansuhan di dua tempat ini kerana Kerajaan Pusat tidak mempunyai kuasa untuk memansuh-

kan cukai hiburan di negeri lain, kerana kuasa mengutip cukai hiburan di negeri terletak di tangan kerajaan negeri.

Mengenai teater tradisional seperti wayang kulit dan mak yong, Ismail berkata, keluhan tetap kedengaran daripada penggiatnya kerana mendakwa kesenian itu semakin terpinggir.

Kita sepatutnya mengkaji kenapa jumlah penonton semakin merosot. Apakah punca kemerosotan itu? Adakah kerana pendekatannya sudah tidak sesuai lagi atau kita gagal mengawal ancaman daripada media lain.

Ismail tetap berharap seminar yang membabitkan pembentangan lapan kertas kerja yang disertai lebih 60 peserta menjadi wadah penting kepada penggiat kesenian dan ASK sendiri memajukan teater selain mencari punca kemerosotan teater tradisional.



APA KHABAR...barangkali begitulah Ismail (kanan) memulakan buaian dengan pe-

Teater anjuran Akademi Seni Kebangsaan (ASK), di Kuala Lumpur, Khamis lalu.

Prof Dr Mohd Ghouse Nasaruddin dari Universiti Sains Malaysia (USM) menjangka teater tradisional seperti mak yong dan wayang kulit akan berkubur atau terpaksa ditinggalkan di muzium kerana masyarakat semakin menginggirkannya.

Katanya, jika semua pihak begitu serius untuk mempertahankan teater tradisional, maka usaha segera perlu dilakukan

# Teater: Ant...rbaik at jaringan da

Oleh A Rahim Abdullah

MENGIKUTI Seminar Penulisan Dramatik, anjuran Jabatan Penulisan Kreatif Akademi Seni Kebangsaan (ASK) di Port Dickson, Ahad, 19 November lalu, dapat dibuat ramalan bahawa masa depan teater mempunyai tempat yang cukup terhormat, asalkan ia harus dan ditangani oleh mereka yang berilmu dan beretika (yang benar-benar profesional) di negara ini.

Barangkali hipotesis ini akan dipersoalkan, tetapi itulah hakikatnya jika kita mahu meletakkan martabat seni teater dan juga seni kreatif lainnya dalam abad baru nanti.

Apabila seni kita boleh mendapat tempat (dengan syarat orang yang mengerjakannya pula berilmu dan beretika) tentulah kenyaatan itu didasarkan kepada beberapa hujah dan kenyataan lain yang saling mendukung.

Memperkembangkan seni dalam konteks masa kini dan akan datang adalah satu tugas besar pihak tertentu, seperti ASK yang diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Tugas besar ini bukan saja berusaha membina dan mewujudkan segala macam program pengisian, seperti kursus, latihan, bengkel dan penataran seni, tetapi juga mempersiapkan generasi baru atau calon penggiat seni itu sendiri dengan ilmu dan ketahanan bagi menghadapi arus perdana globalisasi yang amat kuat.

Tanpa ilmu dan ketahanan sebagai alat pengawal dan jatidiri yang ampuh, lebih-lebih lagi tanpa nilai nasionalisme (yang setengah orang mengatakan salah satu syarat menjadi seniman dan intelektual), kita kluatir arus moden yang melanda deras itu berjaya menghanyutkan seniman kita yang ghairah mencari identitinya sendiri.

Jadi tugas seniman dan pihak yang berwawang sekarang ialah memasti-



kan pembangunan kebudayaan dan ekonomi negara berjalan seimbang. Di sinilah perlunya satu pengkhususan, seperti bidang pengurusan budaya yang pernah ditimbulkan sebelum ini.

Kita bimbang keghairahan tokoh atau pemimpin untuk membina ekonomi negara akan gagal, kerana mengabaikan kepentingan spiritual — nilai seni sebagai santapan rohani manusiawi.

Dan hakikat ini nampaknya sudah jelas berlaku dalam arena politik mutakhir tanah air, yang telah pun disentuh Perdana Menteri Malaysia sendiri, mengkritik supaya mereka yang tamak haloba dengan kebendaan dan kemewahan itu mengundur diri secara terhormat.

Seperti kata Datuk Ismail Adam, Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, bahawa seni itu harus dipupuk, dibelai dan ditatang bagi mengekalkan nilai dan kedudukan seni di dalam suasana globalisasi dunia.

Ketika berucap dalam majlis perasmian seminar tiga hari yang bertemakan *Penulisan Dramatik Menjelang Abad ke-21* itu, beliau menegaskan betapa pemupukan seni dalam arus modenisasi kini harus didokongi sebuah organisasi seperti ASK, kerana wujudnya kepelbagaian unsur asing yang semakin meresap ke dalam budaya normatif tempatan.

Kita bimbang untuk m... kerana

"Budaya yang undang ini, ha... dung bermula vidu hingga peringkat orga... perti yang dipe... institusi ini.

"Menuju ke semakin menca... harusnya kita suatu kekuatan... kekuatan dalam... an, di mana s... cita dan hasrat tarakan bersa... men dalam n... Ilmu yang dir... sekadar untu... ngan diri, tetap dikuasai digu... membina seb... rakat yang pro... aktif, produkti... nya dalam me... arena penulisa... Ismail juga b... mis bahawa gel... yang dilatih it... mampu menya... riat arena pe... cara profesio... tidak. Maka it... dak seharusnya... tung hanya ke... dan bakat se... tanpa bimb... tihan untuk... kan mutu penu... Datuk Zain yang menyam... tas utama, *Per... matik Kini da... tang: Satu Cabaran*, mem... nyak saranan... pa kemungki... nai masa depa... penulisan dr... ini, jika penu... mi atau mer... ruang dan pe... mempertingki... karya dan p... bidang drama... Tetapi Zain... cam memberi... ras kepada... ngamal m... pengguna, m... nologi maklu... wujudnya lir... gasi media menjajah bu...



MARIAM... premis kelab wajar ditarik balik jika k... didapati melencong

kan kesan buruk kepada keamanan negara.

Sehubungan dengan itu, beliau menasihatkan agar lebih banyak kajian agama dibuat secara mendalam.

Pada masa yang sama ia juga patut menekankan pendidikan agama kepada kalangan generasi muda mahupun tua.

"Jika kita mengharamkan pusat-pusat hiburan atau kelab malam terba... bit dari terus beroperasi, tidak bermakna kegiatan itu terhenti di situ saja.

Ini kerana peluang untuk berbuat demikian boleh dilakukan di mana mana sahaja antaranya termasuk di sempadan negara seperti di Singapura dan Thailand," katanya.

Ahmad Osman, pemerhati dari Bahagian Pasir Pekan, Tumpat Kelantan mengalu-alukan jika tindakan keras seperti penarikan lesen dikenakan terhadap premis yang didapati menggunakan

khimat GRO da niagaan mereka

Beliau berkat tan patut dicor... rana tanpa pre... malam begini, lagi dikunjun... pelancong dar... dan luar negara

"Banyak lagi... yang lebih sesu... menambah hasi... patan negeri se... mengharapka... cukai oleh keraj... pada pemilik p... kenaan," katan...

Pemerhati B... Seputeh, Marian... bagaimanapun... jika khidmat GF... nar-benar dida... lencong daripa... mereka yang... sememangnya w... kerajaan untuk... balik premis kel... hiburan yang... bersubahat de... giatan sumbang... siat.

"Bagaimanap... yang sebenarnya... di masalah seka... lah kesukaran n...

# Birokrasi membunuh intelektual

Oleh SITI ROHAYAH ATTAN

**B**ENARKAH seni teater semakin hilang kebebasan semangnya kerana penggiatnya sendiri sudah tenggelam di dalam sebuah kota kapitalis yang membentuknya jadi pelawak dan pemain di bawah telunjuk aristokrasi dan politik?

Apakah kemajuan kapitalisme yang terlalu pantas menyebabkan seniman yang rigid kepada yang non-retroaktif jadi pemikir konservatif dalam *empiricism* ekonomi seni yang baru dalam order baru Kuala Lumpur dan dunia?

Dan, akan matikah intelektualiti serta keindividualan seniman apabila sikap mereka bertentangan dengan arus *mediocrity* yang menguasai teater kini?

Milah antara persoalan yang dapat dikutip setelah meneliti kertas kerja Dr. Anuar Nor Arai bertajuk *Penulisan Dramatik Menjelang Abad ke-21* pada Seminar Penulis-an Dramatik anjuran Akademi Seni Kebangsaan (ASK) di Port Dickson, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Menurut Dr. Anuar, berakhir abad ke-20 dan bermula abad ke-21, Kuala Lumpur akan menyaksikan dalam sistem kesenian negara tindak balas retroaktif yang luar biasa di mana tidak wujud lagi orang persorangan yang menunggu pengiktirafan di pintu teater.

## Wacana SABITU

Sebaliknya muncul seniman yang mengiklankan bakatnya, menjual skripnya, yang teratur kontraknya, subjek. Kedudukan dan kehebatan bukan diukur pada ukuran peribadi tapi dalam urutan *rank* nasional yang disusun oleh jentera aristokrasi-birokrasi yang berfungsi memberi hala nasional pada teater nasional.

"Apabila terlalu ramai orang per-seorangan di dalam kerangka retro-aktif nasional tampil, dengan sendirinya semangat teater sudah jadi gerakan kebajikan politik yang *massive*. Maka, tradisi teater yang berfikir untuk membina peradaban *the search for justification* jadi impian yang gagal," katanya.

Dr. Anuar berpendapat, 'teater dari rakyat' sudah menjadi terlalu luaran sifatnya yang cuba bertindak balas dalam semangat kerakal-yatannya. Rujukan yang tinggal pada seni teater Kuala Lumpur sekarang akan membawakan konsep bina bangsa, bina negara dengan

sikap yang terlalu *moderate* malah singkat dan cetek terhadap kemanusiaan universal.

Katanya, pemikiran imaginatif, individu sebagai tenaga, intelektualiti, keinginan pada *the whole man*, berjiwa, mendekati kebenaran mutlak, akan gugur dengan sistem artokrasi-birokrasi seni yang bermatlamat kenegaraan terpin-pin dan terhala.

"Bakat individu yang mampu mengemukakan pemikirannya akan berhadapan dengan kekecewaan kerana sikapnya sudah bertentangan dengan arus *mediocrity* yang menguasai teater di dalam *pretext* slogan 'membina budaya negara,' tambahnya.

Malah Dr. Anuar menegaskan, ilusi kepada pembentukan teater nasional akan membunuh intelektualiti dan keindividualan seniman di luar sistem yang meletakkan *compensation* seni kepada pemikiran negara.

Beliau menyifatkan perancangan teater nasional adalah kerja yang tidak akan selesai kerana faniasi teaterikal dengan penemuan konsep kontemporarinya adalah fungsi 'penyair' dan 'ahli falsafah' teater itu sendiri.

"Pada tanggapan saya abad ke-21 adalah zaman *artificial*, pura-pura, penipuan secara besar-besaran untuk mengisi semangat teater nasional. Penggiat teater bagi lima ta-



ANUAR NOR ARAI

hun kebelakangan ini dalam siri teater MATIC sudah memberi tanda untuk bersikap *elegant* dan bersih yang memberikan keindahan yang kosong untuk bangsanya lari daripada kenyataan sosial dan politik sebenar.

"Akan terwujud rasa *ambivalent* yang tanpa hujung daripada sikap korosponden pemikir teater itu kerana teraju pemikiran dan falsafah teater adalah golongan inteligenia kerajaan," tegasnya.

Beliau berkata, abad ke-21 akan menyaksikan, menyekat, menyesuaikan golongan penggiat teater yang miskin untuk berkarya. Daripada gam-



RAHIM RAZALI

baran yang menyeluruh pementasan di MATIC dan Panggung Eksperimen, pendukung teater dari golongan miskin tidak akan dipandang sebagai *valid* dalam program Panggung Negara. Ini kerana Panggung Negara hanya mengiktiraf mereka yang ada *trademark* dan slogan saja.

Beliau menyifatkan penulis penting yang ada sekarang sudah 'melihat diri dalam cermin' dan lupa untuk menyuluh masyarakat sebenarnya. Ini kerana ruang bergambar diri mereka sudah sendat dengan *celebration*, mereka dipaksa berdiri di atas kotak yang tinggi dan



NO

bercakap se-dalam bulatan "Datuk Noor Arif, Datuk Sirih Bertepung Hulu Melaka kedua-dua t-

Justeru itu pat abad ke-21 perkembangan tokoh teater bang kepada

STAR 5/11/95 MJS - 24 ATTAD

# Stage set for artistic progress

The proposed budget for 1996 provides RM50 million for the development of the arts, culture and broadcasting industries in the country. While this remains an encouraging prospect, will it achieve its objectives? Leading personalities discuss. Compiled by EDDIN KHOO.

**A**ctivists in the fields of arts, culture and broadcasting welcomed the proposed 1996 budget when Minister of Finance Datuk Seri Anwar Ibrahim announced an allocation of RM50 million for the promotion of arts, culture and the broadcasting industries.

The fund will be used to develop the fields of drama, broadcasting and film through comprehensive training programmes for producers, technicians and audio-visual engineers and will provide credit for the purchase of equipment and facilities.

In addition, the entertainment duty on admissions to stage plays produced and staged by local theatre groups has been lifted.

While these developments prove encouraging, leading personalities in these fields have urged administrators to pay close attention to the distribution of the fund, reminding that quality control must remain the primary objective.

**Zakaria Ariffin, dramatist and president of Persatuan Teater Malaysia (Tema):**

"The budget is definitely an encouraging sign for all of us who have been fighting for greater recognition for the arts for so long.




*Zakaria ... ensure that distribution of fund is administered fairly.*



*Muhammad Anis ... fund must not feed a culture of mediocrity.*



*Krishnan ... finally governmental recognition for the arts.*



from the government and I think it is timely.  
"Prior to the announcement of the budget, the Prime Minister and Deputy Prime Minister had already been giving indications that there will be a more concerted effort in developing the arts in line with their policy of prosperity with spiritual development.  
"RM50 million is a good start though no amount will ever be enough. I do hope

B. HARAN Ms - 22 18/07/95 RABU.

# Kesenian dan wawasan negara harus seimbang

Oleh Saibiah Ani

SUMBANGAN kesenian dan kebudayaan terhadap ekonomi negara jarang dilihat oleh sebahagian besar masyarakat negara ini yang taksub dengan kuasa teknologi dan sains dalam menyiapkan diri dengan status Malaysia sebagai negara maju.

Sebenarnya, tanpa kesenian dan kebudayaan, negara ini sama sekali tidak akan mampu bergerak ke arah negara maju atau negara sains dan teknologi. Contoh terbaik untuk dilihat kebenaran dakwaan ini secara fizikal ialah dalam pengeluaran kereta. Tanpa peraka bentuk yang bertanggungjawab mereka bentuk sebuah model kereta, maka proses pengeluaran kereta itu tidak akan bermula dan mereka ini adalah kelompok manusia yang mempunyai nilai seni.

Perkara ini dinyatakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Ismail Adam, dalam seminar Insitut Tamadun dan Alam Melayu (Atima) bertemakan *Ke Arah Pendekatan dan Pengertian Baru Pembangunan Kebudayaan*.

Sistem Internet wajar dimanfaatkan untuk menyebarkan kebudayaan, kesenian dan bahasa Melayu kepada orang luar dan rakyat Malaysia sendiri

dengan seni. Pemuzik, pelukis dan peraka bentuk yang terbabit secara langsung dalam pengiklanan sesuatu produk adalah mereka yang mempunyai nilai seni. Aspek ini sering tidak 'disadari oleh masyarakat.

Tindakan 'miminggirkan kesenian dan kebudayaan untuk membolehkan sesebuah negara itu dikenali sebagai negara maju, tidak kurang yang memersoalkan apakah 2K itu menyumbang ke arah pembangunan ekonomi. Perkara ini sudah lama diperdebatkan di Barat dan mereka sudah pun mendapat jawapannya melalui pendekatan baru dalam pembangunan semula beberapa bandaraya di Eropah dan Amerika.

Kesedaran pentingnya kesenian turut mengubah Pittsburgh daripada imej wilayah keluli kepada wilayah kebudayaan. Pem-



ISMAIL ADAM...aspek seni tidak dilihat dan diberi penekanan sewajarnya.

antara faktor yang menyebabkan mengapa filem keluaran tempatan merosot nilainya pada masa ini. Menurutny, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sangat berharap adanya jalinan yang lebih rapi dengan agensi lain seperti Kementerian Pendidikan, Penerangan dan Perpustakaan Negara, yang turut bertanggungjawab dalam pembangunan kesenian dan kebudayaan negara ini.

Rasanya, mahu tidak mahu sebahagian besar masyarakat terpaksa mengukui kebenaran yang cuba ditunjukkan oleh Ismail, bahawa kita terlalu terpegung dengan kuasa ghaib sains dan teknologi sebagai lambang kemajuan. Kesannya, kita tidak dapat melihat perbudayaan dalam penghabauran kesenian dan kesilatan produk kerana ciri sains dan teknologi lebih terserlah.

Malah, sepeatah kata Pengarah Atma, Prof Dr Muhammad Salleh, bahawa apabila memperkatakan sains dan teknologi, insan Melayu terus melihat bangsanya sebagai ras yang kecil. Serentak itu lupa bahawa Melayu juga

KOLEJ PILIHAN



Puan Norliza...  
lahirkan karyawan berwibawa.

# Akademi Seni Kebangsaan tumpuan mereka yang mahu bergelar artis!

Oleh: AZLIE HALIM Foto: BADRUL HAFIZ

**T**ak lekang dek panas, tak luput dek hujan. Begitulah tingginya nilai seni negara kita yang sejak turun temurun menjadi warisan bangsa.


Sesungguhnya martabat kesenian tempatan harus dijagakan demi untuk kesinambungan generasi-akan datang.

Justeru, sebagai satu usaha untuk menghasilkan seniman yang mahir dan karyawan yang berwibawa, **Akademi Seni Kebangsaan (ASK)** telah ditubuhkan pada tahun 1990. Di bawah bidang kuasa Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, Akademi ini juga bertindak sebagai sebuah pusat sumber rujukan etnologi seni.

**Puan Norliza Rofli, Pendaftar Akademi Seni Kebangsaan**

berkata bahawa ASK menyediakan program bertaraf 'diploma' dalam bidang penulisan kreatif, seni muzik, seni tari dan teater.

"ASK ditubuhkan untuk menyediakan peluang dan ruang bagi rakyat Malaysia mengikuti latihan secara formal. Matlamat kami





ialah untuk melahirkan lebih ramai golongan karyawan dan artis yang mantap serta berilmu dalam bidang seni," ujarnya.

Menurut Puan Norliza, sebagai institusi latihan yang memberi penekanan terhadap pembelajaran dan kerja-kerja praktikal, pelajar juga dilatih untuk memanfaatkan masa sebaik mungkin.

"Kita inginkan budaya tempatan tidak dipengaruhi unsur-unsur luaran yang negatif sehingga menjatuhkan martabat seni negara. Adalah menjadi harapan kami dapat melahirkan pengiat seni yang mantap dan berwibawa bagi memenuhi keperluan artis dan karyawan profesional," tambah Puan Norliza lagi.

### SYARAT KEMASUKAN

ASK menerima pelajar setahun sekali iaitu pada bulan Julai. Pengambilan ialah berdasarkan syarat kelayakan seperti berikut:

- \* Lulus sekurang-kurangnya SPM dengan kepujian Bahasa Malaysia dan lulus Matematik DAN

- \* Mempunyai kebolehan bakat dan pengalaman dalam bidang kesenian DAN

- \* Lulus uji bakat.

### YURAN PENDAFTARAN

- \* Yuran masuk: RM290.00

- \* Yuran Pengajian : RM640.00 (untuk setiap semester)

### KAEDAH PEMBELAJARAN

#### Diploma Seni Tari

Menawarkan kursus yang menyediakan pembelajaran Seni Tari bagi menghasilkan graduan yang mempunyai kemahiran profesional. Antara kursus yang ditawarkan meliputi Teknik Tari, Genre Tari Malaysia, Asia dan Barat; Kaedah Muzik untuk Tari; Koreografi; Notasi Laban dan pendidikan Seni.

#### DIPLOMA TEATER

Pembelajaran bidang teater berperanan sebagai media untuk melahirkan insan yang seimbang dari

aspek intelektual, emosi, rohani dan jasmani. Proses pembelajarannya melibatkan teori dan praktikal tentang tradisi teater tempatan, timur dan barat, bermula dari peringkat tradisional hingga ke moden.

### DIPLOMA PENULISAN KREATIF

Menawarkan kursus penulisan dramatik yang mencakupi semua media- pentas, radio, televisyen dan filem. Aspek teori, prinsip dan praktik penulisan skrip membentuk pelajar mendapatkan pengalaman serta memahirkan diri dalam semua bentuk penulisan. Kaedah pembelajaran yang seimbang ini dapat melahirkan graduan yang berpemikiran kritis dalam meningkatkan mutu penciptaan kreatif.





**Wilson Jong**

### DIPLOMA SENI MUZIK

Mengutamakan kemahiran praktikal di samping mata pelajaran yang berorientasikan teori, ciptaan / gubahan, falsafah dan sejarah dalam keseluruhan program pengajian. Pelajar berpeluang berinteraksi di dalam beberapa aktiviti meliputi ensembel muzik tradisional Melayu, muzik etnik, orkestra simfoni, koir, brass, woodwind, perkusi, jazz dan sebagainya.

### BAGAIMANA PELUANG PEKERJAAN?

Ditanyakan soalan ini kepada Puan Norliza, beliau hanya tersenyum.

"Lihat sendiri perkembangan dunia seni tanah air sekarang ini. Masyarakat menerima golongan ini bukan sekadar pada profesionnya. Tetapi akur dengan tugas mereka yang memperjuangkan seni untuk masyarakat seluruhnya.

"Apa lagi di sini mengajar seseorang karyawan itu dengan penyediaan ilmu yang cukup. Ia tak lain dan tak bukan, untuk meningkatkan lagi martabat artis di mata masyarakat. Jadi ilmu dan kesenian berkembang seiring. Sekaligus akan dihormati masyarakat. Sebab golongan ini, 'public figure'. Jadi bukan sekadar bakat yang dinilai, namun disiplin juga diperhati. Jadi soal kerjaya,



**Rohimi Sobeng**

tentunya ia mempunyai skop yang luas....," jelasnya.

"Tentang gajinya?"

"Cukup lumayan. Namun yang ditekankan di sini, bukan pendapatan yang lumayan, tapi kepuasan di samping mengangkat nilai seni di tahap yang sepatutnya."

### BENARKAH ASK MENJAMIN MASA DEPAN?

**Wilson Jong**, 19, pelajar jurusan Diploma Seni Muzik berpendapat pendidikan seni muzik di negara ini juga setanding dengan institusi pengajian tinggi di luar negara.

"Sebagai sebuah pusat pengajian kerajaan saya rasa masa depan saya lebih terjamin. Selain itu kaedah pembelajarannya juga secara profesional dan mudah diikuti.

"Memang sejak kecil lagi saya




**Azura Abal Abas**

sukakan bidang seni. Saya juga minat seni lukis, tapi minat saya lebih kepada seni muzik. Saya rasa bertuah kerana mendapat galakan dan sokongan dari pada keluarga walaupun pada mulanya mendapat tentangan", katanya sambil tersenyum," ujar anak muda yang ebrasal dari bumi Kenyalang ini.

Bagi **Rohimi Sobeng**, 25, dia melanjutkan pelajaran ke ASK kerana merasakan seni muzik boleh menjamin masa depan. Dia yang pernah menyertai beberapa pertandingan nyanyian dan album lagu tradisional mengikuti **Diploma Seni Muzik** di ASK.

"Walaupun pada mulanya saya tidak mendapat dorongan daripada keluarga tapi saya nak buktikan kemampuan diri saya. Saya bertekad akan berusaha bersungguh-sungguh di bidang ini walaupun terpaksa



**Kaedah pembelajaran yang bersistem matik.**

menggunakan duit sendiri. Saya percaya segala apa yang saya dapat pelajari disini adalah lebih berharga dari apa yang saya belanjakan", katanya.

Kaedah pembelajaran yang bersistem pula menjadi tarikan kepada **Azura Abal Abas** untuk melanjutkan pelajaran ke ASK. Dia yang mengikuti **Diploma Seni Tari** pernah mengikuti Kursus seni lakon di Universiti Sains Malaysia (USM).

"Di sini saya dapat belajar dari asas seperti asal-usul seni tari dan sebagainya. Walaupun sebelum ini saya pernah belajar di USM, tapi bagi saya hanya ASK menyediakan selengkap-lengkapnya pengajaran secara formal dari asas sehinggalah ke peringkat yang paling tinggi", jelas Azura.

**Izah Yusrain Ahmad, 20**, pelajar jurusan **Diploma Teater** menyatakan kesyukuran kerana mendapat tempat untuk belajar di ASK.

"Bukan senang nak masuk ke ASK ini. Mungkin dah rezeki saya... Saya mahu gunakan kesempatan saya di sini untuk belajar bersungguh-sungguh demi untuk menjaga maruah dan martabat seni teater tanah air," ujar Izah dengan penuh bersemangat.

"Adalah menjadi harapan saya untuk menjadi seorang karyawan seni dan membuka mata masyarakat yang selama ini memandang sinis terhadap teater. Satu hari nanti saya akan pastikan teater mendapat tempat dan dihargai oleh semua golongan," tambahnya lagi.

Tok Penghulu ASK itulah gelaran yang diberikan kepada **Sabri Ahmad, 30**, pelajar jurusan Diploma Penulisan Kreatif. Dia sanggup mengambil cuti selama empat tahun demi untuk melanjutkan pelajaran di ASK.

"Bagi saya pendidikan itu penting. Walaupun terpaksa mengorbankan banyak masa dan wang, saya yakin apa yang saya dapat di sini adalah lebih berharga. Ianya satu cabaran dan saya terpaksa berusaha lebih untuk memastikan kejayaan di bidang ini.



(Kiri) Sabri Ahmad... tinggalkan pekerjaan untuk menimba ilmu.

(Bawah) Baggio... "Jadilah golongan artis yang berpendidikan..."



"Memang pada mulanya saya rasa berbelah bagi. Tapi selepas mendapat galakan dan dorongan daripada keluarga dan rakan-rakan saya berasa lebih bersemangat untuk terus belajar di ASK. Dengan kaedah pembelajaran yang mantap, saya yakin ASK dapat melahirkan ramai karyawan yang berwibawa," kata Sabri yang berasal dari Johor.

## PENDAPAT MEREKA YANG SUDAH POPULAR

### BAGGIO (Damasutra)

Tahap pembelajaran harus dipertingkatkan walaupun seseorang itu sudah pun bergelar seorang artis yang terkenal.

"Saya terkilan kerana ada segelintir di kalangan artis yang tidak mengambil berat tentang pelajaran. Apa yang saya lihat sambutan di

kalangan artis tempatan terhadap ASK sangat dingin. Sebagai seorang artis yang bertanggungjawab kita seharusnya menggunakan peluang ini untuk menimba ilmu. Kita juga mestilah bersyukur dan bangga dengan usaha kerajaan mewujudkan ASK demi untuk meningkatkan lagi taraf kesenian negara," jelas Baggio yang kini di semester dua **Diploma Seni Muzik**.

Baggio kini kurang bergiat aktif dalam pertunjukan pentas dan merakam album kerana dia ingin menumpukan sepenuh perhatian terhadap pelajaran. Dia juga berpendapat ASK adalah asas kepada mereka yang ingin berjaya di bidang seni.

"Walaupun terpaksa menyepi dari dunia hiburan buat sementara, saya tetap akan terus belajar di sini sehingga berjaya mendapatkan diploma," jelas Baggio sebelum mengakhiri pertemuan.

# Remaja perlu bantu perkembangan seni



SUHAIMI



NOOR ASZILA



SENI tari negara unik.

BUKAN satu perkara yang mudah untuk menterjemahkan tarian di dalam satu bentuk penyampaian yang berkesan kepada golongan remaja yang meminatinya.

Bagaimanapun, berbekalkan minat serta komitmen, adalah tidak mustahil setiap individu itu dapat menerima setiap gerak tari dalam bentuk yang mudah.

Demikian pandangan Jurutari Akademi Seni Kebangsaan (ASK), Suhaimi Magi, mengenai keberkesanan penerimaan individu terhadap bidang tarian yang mempunyai keunikan tersendiri.

Katanya, seni tari negara ini adalah sesuatu yang cukup unik untuk dipersembahkan sehingga ke seluruh dunia kerana kelainan yang dipaparkan sukar untuk ditemui di lain-lain negara.

Beliau memberitahu, kewujudan Jabatan Seni Tari di ASK adalah sebagai pemangkin ke arah memelihara seni tari yang mempunyai sejarah dan falsafahnya tersendiri.

"Remaja harus mengambil peluang yang disediakan oleh kerajaan kerana kewujudan ASK adalah sebagai platform kepada mereka untuk memperkenalkan seni tari yang amat bernilai itu," kata beliau.

Sehubungan dengan itu, beliau yang bertindak menyelia golongan remaja berkeyakinan usaha yang serius pastinya akan menghasilkan kejayaan yang cemerlang.

Kata beliau, usaha pemeliharaan seni tari adalah tanggungjawab semua pihak dan ia tidak hanya tertunjuk kepada individu yang berminat sahaja.

"Amat sedih jika generasi muda tidak mengambil langkah untuk memeliharanya kerana biarpun pembangunan negara melingkari di sekeliling kita namun, keunikan dan sejarah seni tari tetap diperlukan.


Golongan remaja perlu lebih prihatin terhadap perkembangan seni," kata Suhaimi.

## SYARAT ASAS AS

PENGAMBILAN pelajar untuk program bertaraf diploma adalah berdasarkan kepada syarat kelayakan seperti berikut :

- Lulus sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran

Malaysia (SP  
Malaysia dan  
- Mempunyai  
dalam bidang  
- Lulus uji ba



MENURUT laporan Pertubuhan Keganasan rumah tangga adalah keluarga itu. Akibat daripadanya, kanak-kanak paling malang. Begitu juga ka risiko yang lebih tinggi dibunuh c


## Pelbagai program o

AKADEMI Seni Kebangsaan (ASK) menawarkan program pembelajaran sepenuh masa bertaraf diploma selama empat tahun.

Program pengajian ini diletakkan di bawah empat buah jabatan yang merupakan unjung pelaksanaan objektif ASK dalam bidang seni berikut :

- 1) Jabatan Seni Tari.
  - Menawarkan kursus-kursus yang menyediakan pengalaman pembelajaran seni Tari bagi menghasilkan graduan dalam memenuhi keperluan kemahiran profesional.
  - Diploma Seni Tari merupakan landasan penting untuk peningkatan akademik dan iktisad penari-penari tanah air.
  - Antara kursus yang ditawarkan meliputi teknik tari, genre tari Malaysia, Asia dan Barat, kaedah muzik untuk tari dan Pendidikan Seni.
- 2) Jabatan Teater.
  - Jabatan ini menguruskan pembelajaran dalam bidang teater dengan mengambilkira

insan yar intelektual,  
3) Jabatan  
- Di ba penulisan semua medi  
- Setiap l khusus as membentuk serta mema penulisan.  
4) Jabatan  
- Jaba persembaha praktikal berorienta falsafah pengajianny  
- Progra pelajar yar hormotivasi



# Akademi Seni Kebangsaan

# Bakal Lahirkan Karyawan Profesional



● Encik Zulkifli Baba Noor

Kewujudan Akademi Seni Kebangsaan (ASK) yang letaknya di bawah Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia setahun yang lalu, adalah bertujuan melahirkan graduan-graduan yang kreatif, mahir dan terlatih sebagai karyawan profesional. Bahkan bukan itu sahaja, kalau boleh akademi ini mahu menjadikan graduan-graduannya sebagai penggerak, pemimpin kesenian dan pendidik yang terlatih dan mendapat bimbingan secara formal dan berilmu.

**M**enurut Penolong Pengarah Akademi Seni Kebangsaan, Encik Zulkifli Baba Noor yang ditemui oleh REMAJA baru-baru ini, ASK ditubuhkan di atas kesedaran perlunya sebuah institusi kesenian di negara ini diwujudkan bagi menyokong usaha-usaha pembangunan kesenian. Ini sejajar dan seiringan dengan pembangunan sosio-ekonomi negara dalam mewujudkan masyarakat Malaysia yang lebih mantap dan berketerampilan.

"Walaupun negara kita sekarang ini pesat membangun dari segi ekonominya, tetapi ia haruslah seimbang dengan dengan seni masyarakat budaya itu sendiri. Sebenarnya jika kita lihat, kesedaran seperti ini telah lama wujud pada negara-negara lain. Lihat

sahaja negara-negara seperti Thailand, Indonesia dan Jepun, masing-masing mempunyai akademi seni yang khusus untuk memberikan pendidikan seni secara formal kepada mereka yang benar-benar meminati bidang seperti ini. Jadi, secara tidak langsung mereka dapat terus mempertahankan dan memperkembangkan seni budaya mereka. Inilah sepatutnya yang menjadi satu kebanggaan kepada masyarakat itu sendiri," ujar beliau.

Menurutnya lagi, bagi mencapai matlamat itu, ASK telah menawarkan program pembelajaran sepenuh masa bertaraf Diploma selama 4 tahun. Program pengajian diletakkan di bawah 4 buah jabatan yang merupakan tunjang pelaksanaan objektif ASK dalam bidang seni. Empat jabatan itu ialah Seni Tari, Teater, Seni Muzik dan Penulisan Kreatif. Sementara itu, tenaga pengajarnya pula, 98 peratus adalah terdiri daripada pensyarah sambilan.

"Tujuan kami mengambil tenaga pensyarah sambilan adalah bertujuan untuk memastikan pelajar-pelajar mendapat bimbingan yang sepatutnya daripada tenaga profesional dalam bidang-bidang yang mereka ikuti. Kami cuba mendapatkan yang terbaik untuk mereka. Jadi, dengan cara ini, pengiktirafan yang bakal mereka perolehi tidak boleh dipertikaikan," terang Encik Zulkifli.

Berkenaan dengan proses pembelajaran di ASK, ia lebih menumpukan perhatian pada praktikal berbanding

dengan teori.

"Memandangkan seni itu adalah sesuatu yang berterusan dan semulajadi, kami di sini beranggapan praktikal adalah kaedah yang lebih berkesan lagi. Pembahagian 60 peratus untuk praktikal, manakala 40 peratus lagi untuk teori dikira kaedah pembelajaran yang amat sesuai dan bertepatan sekali," tambahnya lagi.

Di samping itu, pelajar-pelajar juga dikehendaki mengambil tiga mata pelajaran wajib yang lain seperti Kursus Tinjauan, Tamadun dan Bahasa Inggeris.


Pengambilan pelajar adalah terhad iaitu 20 orang bagi setiap jabatan dan ia dibuat setahun sekali. Syarat kemasukan, sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan kepujian Bahasa Malaysia dan lulus Matematik dan mempunyai kebolehan bakat dan pengalaman dalam bidang kesenian. Calon yang layak juga dikehendaki lulus ujibakat.

Setiap pembelajaran sepanjang pembelajaran adalah ditanggung oleh pelajar sendiri. Bagaimanapun ASK kini sedang berusaha untuk mendapatkan kerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk memberikan bantuan biasiswa pinjaman kepada pelajar-pelajar.

Di samping itu, ASK juga sedang dalam perancangan untuk bekerjasama dengan universiti-universiti di luar negara seperti United Kingdom dan Australia bagi membolehkan pelajar-pelajarnya melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah.

Peluang dan masa depan pelajar-pelajar ASK adalah cerah memandangkan, akademi seumpama ini adalah satu-satunya yang terdapat di negara ini.

"Sebagai pusat kajian



● Pendidikan seni tempatan lebih diiktirafkan dalam pembelajaran.


DARI KOMPLEKS BUDAYA NEGARA

# Akademi Seni Kebangsaan


Oleh SABRI MOHD. ZIN

**S**ESUAI dengan fungsinya, Kompleks Budaya Negara (KBN) tidak pernah ditandusi kegiatan seni budaya. Dua agensi kerajaan yang beroperasi di kompleks tersebut, iaitu Panggung Negara dan Akademi Seni Kebangsaan silih berganti merancang, mengatur dan menggerakkan aktiviti demi memartabatkan seni budaya bangsa.

Sepanjang bulan April ini, Panggung Negara telah menyusun tiga acara persembahan utama. Pertamanya pementasan drama "Itik Liar" (*Wild Duck*) karya Hendrik Ibsen yang akan berlangsung di Panggung Eksperimen pada 31 Mac hingga 7 April 1995. Drama yang mempersoalkan ideologi kasih sayang ini diarah oleh Ahmad Tarmimi Siregar dan dilakonkan oleh Ahmad Yatim, Wafa Abdul Kadir, Hisham Ahmad Tajudin, serta beberapa pen-



Kompleks Budaya Negara



latihan "Itik Liar" karya Hendrik Ibsen, diarahkan oleh Ahmad Tarmimi Siregar dan dipentaskan pada 31 Mac sehingga 7 April 1995

datang baru di dunia teater.

Selepas itu Orkestra Simponi Kebangsaan (OSK) iaitu kumpulan muzik induk Panggung Negara akan mengambil giliran persembahan pada 8 April di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Kali ini OSK menampilkan Juan Florentino La Mogline, seorang konduktor muzik dari Argentina untuk memimpin persembahan.

Pada 15 April pula Panggung Negara sekali lagi akan mengamatkan Dewan Tun Hussein Onn (PWTC) dengan Konsert Koir Kebangsaan. Konsert yang dianggotai oleh 70 penyanyi dan pemuzik terkenal tanah air ini akan mempersembahkan gubahan lagu-lagu klasik Melayu dan Inggeris.

Sementara itu Akademi Seni Kebangsaan (ASK) juga tidak kurang dengan kegiatannya. Pada 12 April, ASK

tela  
Un  
bin  
laja  
ora  
anta  
pen  
vers  
G.L  
pad  
dio  
1988  
S  
cun  
ram  
seni  
anju  
Trac  
rilse  
kep  
dibe  
ning  
gese  
sam  
fungs  
P  
men  
seni  
men  
dap  
bah  
dari  
yang  
gara  
gung  
sa m  
Je  
himp  
yang  
mas  
tena  
Gho  
tim.  
Moh  
oleh  
men  
oleh  
Rah  
fiah.  
nitip  
kese  
(Sen  
num  
E  
dung  
baru  
nant  
man

# Liar menguji alayak tempatan



AHMAD TARMIMI

lui zamannya (mungkin terawal 200 tahun daripada zamannya) tetapi hakikat yang terkandung di dalamnya masih dan sedang berlaku pada zaman ini.

Sehubungan itu, usaha Ahmad Tarmimi Sariger melalui Panggung Negara memantapkan *Itik Liar* pada 31 Mac hingga 7 April ini merupakan usaha yang perlu diberikan pujian. Drama sebabak yang melat belanjanya sekitar RM50,000 ini bukan saja mengembalikan ke-nangan terhadap seorang tokoh drama yang cukup hebat pada zamannya tetapi juga menguji penerimaan khalayak terhadap teater falsafah.

## Adaptasi

*Itik Liar* adalah adaptasi *The Wild Duck* karya Henrik Johan Ibsen (1828 - 1906) yang dikenali sebagai bapa drama moden kerana membawa unsur-unsur surealisme, kesedaran masyarakat dan isu yang lebih kontemporari.

Drama ini mengisahkan konflik hidup keluarga Ekdal yang berakhir dengan tragedi menyayat hati. Ekdal dan Werle merupakan sahabat baik dan pernah berkongsi

Melalui bantuan Werle, Halmar dapat mempelajari ilmu fotografi dan seterusnya mengusahakan kedai gambar. Bahkan Werle telah mengahwinkan Halmar dengan bekas orang gajinya Gina.

Hubungan Werle dengan Puan Sorby membuatkan Gregers meninggalkan rumah mewah ayahnya lalu menyewa bilik di rumah Halmar Ekdal. Kehadiran Gregers yang memperjuangkan prinsip "Tuntutan Ideal" membangkitkan hubungan Halmar dan Gina retak.

## Hubungan sulit

Gregers memberitahu Halmar bahawa sewaktu menjadi orang gaji di rumahnya, Gina mempunyai hubungan sulit dengan ayahnya. Halmar curiga dengan kejujuran Gina dan merasakan Hedvig anak kesayangan mereka itu bukan anaknya yang sebenar.

Kekecewaan Halmar bertambah parah apabila Hedvig begitu riang menerima hadiah hari jadi daripada Werle. Halmar mengangap dirinya tidak dihormati dan disayangi lalu meninggalkan rumah. Tindakan Halmar mengecewakan Hedvig.

Gregers menasihati



KLIMAKS... Hedvig (Norzizi) dipangku oleh Halmar (Adlin) setelah tertembak diri sendiri. Gina (Wafa), Gregers (Khairulizam) dan Relling (Normikman) kecewa dengan apa yang terjadi.

Inilah antara babak yang menyedihkan dalam teater *Itik Liar* yang akan dipentaskan dari 31 Mac hingga 7 April ini di Panggung Eksperimen, Kompleks Budaya Negara, Kuala Lumpur.

Hedvig supaya membuktikannya kasih sayang terhadap Halmar dengan cara mengorbankan *Itik Liar* yang amat disayanginya. Malangnya sewaktu mahu menembak *Itik Liar* itu, Hedvig tertembak diri sendiri lalu meninggal dunia.

Drama ini dipenuhi dengan bahasa falsafah seriratan makna simbolisme yang mendalam. Pentafsiran individu terhadap karya dramatis realisme dunia yang unggul ini mungkin berbeza.

*Itik Liar* versi Malaysia

ini akan dibarisi oleh Wafa Abdul Kadir (Gina), Hisham Ahmad Tajuddin (Ekdal Tua), Ahmad Yattim (Werle), Khairulizam A. Rahman (Gregers), Adlin Amar Ramli (Halmar), Norzizi Zulkifli (Hedvig), Khamsah Abdullah (Nyonya Sorby) dan Normikman Dada-meah (Relling). Drama yang asalnya lima babak itu akan dipentaskan sekitar dua jam.

Menurut Tarmimi, *Itik Liar* dipilih untuk dipentaskan bukan saja kerana nilai falsafahnya yang tinggi tetapi juga mahu melihat sejauh mana khalayak negara ini mampu menerima teater falsafah.

Katanya, sifat-sifat *Itik Liar* yang diketengahkan oleh Ibsen terdapat dalam setiap watak drama tersebut. Begitu juga dengan masyarakat hari ini yang terus mewarisi sifat hipokrit, ampuisme, ketidakadilan dan seribu satu lagi sifat yang negatif.

"Selama ini khalayak disajikan dengan persoalan yang agak ringan, komedi dan stereotip. Kali ini saya cuba memberikan

satu pendekatan baru dengan mengetengahkan drama yang memerlukan kerahan fikiran. Ia boleh dianggap sebagai eksperimen kepada dan khalayak di katanya.

Sama ada Tarmimi atau menerjemahkan dalam versi Malaysia lalu gabungan lain elemennya, hanya akan bukti pada malam pertasannya. Jika Tarmimi berjaya, berarti Khal tempatan sedia mene 'perubahan' yang cub bawanya.